



LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi Dan
Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PAHANG

SIRI 2





LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2012

Aktiviti Jabatan/Agensi
Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan
NEGERI PAHANG

SIRI 2

**JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA**



KANDUNGAN

KANDUNGAN

PERKARA	MUKA SURAT
KATA PENDAHULUAN	vii
INTISARI LAPORAN	xi
AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI	
MAJLIS DAERAH JERANTUT	
MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS	
Pengurusan Perlesenan Premis Perniagaan	3
YAYASAN PAHANG	
Tahfiz Pahang Sdn. Bhd.	30
MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG	
Klinik Al-Amin Sdn. Bhd.	47
PENUTUP	61



KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106, Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan Kerajaan Negeri, Pengurusan Kewangan dan Aktiviti Jabatan/Agensi Negeri. Seksyen 5(1)(d) Akta Audit 1957 pula memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit sesebuah syarikat yang didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965 yang menerima geran/pinjaman/jaminan daripada Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri atau Agensi Kerajaan Negeri. Suatu Perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 (pindaan 2009) dengan perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong telah memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk menjalankan pengauditan terhadap syarikat-syarikat Kerajaan Negeri. Manakala Perkara 107, Perlembagaan Persekutuan menghendaki Ketua Audit Negara mengemukakan laporan hasil pengauditan kepada Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dan Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang. Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong akan menitahkan Laporan Ketua Audit Negara untuk dibentangkan di Parlimen manakala Duli Yang Maha Mulia Sultan Pahang menitahkan untuk membentangkan Laporan Ketua Audit Negara di Dewan Undangan Negeri Pahang.

2. Jabatan Audit Negara mulai tahun 2013 telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan 4 inisiatif di bawah GTP2.0: NKRA Anti-Rasuah. Salah satu daripada inisiatif tersebut ialah mengemukakan Laporan Ketua Audit Negara mengenai Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri untuk dibentang di Parlimen/Dewan Undangan Negeri setiap kali sesi Parlimen/Dewan Undangan Negeri bersidang supaya ia dapat diakses dengan segera oleh rakyat selaras dengan kehendak Kerajaan bagi menjayakan agenda Program Transformasi Kerajaan bagi tempoh 2013 hingga 2015. Saya berharap laporan mengenai pelaksanaan Aktiviti Jabatan/Agensi Dan Pengurusan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang Tahun 2012 Siri 2 ini dapat dijadikan asas untuk memperbaiki segala kelemahan, memantapkan usaha penambahbaikan dan meningkatkan akauntabiliti dan integriti serta mendapat *value for money* bagi setiap perbelanjaan yang dibuat sepertimana hasrat Kerajaan.

3. Pengauditan terhadap aktiviti Jabatan adalah untuk menilai sama ada program dan aktiviti yang dirancang telah dilaksanakan dengan jayanya mengikut tempoh yang ditetapkan, tiada pembaziran dan mencapai matlamatnya. Manakala pengauditan terhadap pengurusan syarikat adalah untuk menilai sama ada prestasi kewangan sesebuah syarikat adalah baik, pengurusan aktiviti dan kewangan syarikat serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan teratur dan selaras dengan peraturan yang ditetapkan serta mencapai objektif penubuhannya.

4. Sebanyak 4 aktiviti dan satu pengurusan syarikat telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Negeri Pahang Tahun 2012 Siri 1. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2012 Siri 2 ini pula melaporkan sebanyak satu lagi aktiviti iaitu Pengurusan Perlesenan Premis Perniagaan serta 2 pengurusan syarikat iaitu Tahfiz Pahang Sdn. Bhd. dan Klinik Al-Amin Sdn. Bhd.. Pemerhatian Audit daripada pengauditan tersebut telah dikemukakan kepada Ketua Jabatan/Agensi/Syarikat Kerajaan Negeri berkenaan. Hanya penemuan Audit yang penting sahaja yang dilaporkan dalam Laporan ini. Bagi menambah baik kelemahan yang dibangkitkan atau bagi mengelakkan kelemahan yang sama berulang, saya telah mengemukakan sebanyak 13 syor untuk diambil tindakan oleh Ketua Jabatan/Ketua Pegawai Eksekutif berkenaan.

5. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Jabatan/Agensi dan Syarikat Kerajaan Negeri Pahang yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada semua pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan laporan ini.



(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)

Ketua Audit Negara

Malaysia

Putrajaya

5 Jun 2013



INTISARI LAPORAN

AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

1. MAJLIS DAERAH JERANTUT MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS - Pengurusan Pelesenan Premis Perniagaan

1.1. Majlis bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan premis perniagaan seperti lot kedai, pasar, medan selera, gerai dan kios. Sehubungan itu, Majlis memainkan peranan penting dalam melesenkan dan mengawal semua jenis perniagaan, perdagangan serta perusahaan yang dijalankan dalam kawasan pentadbirannya. Kuasa yang diberi di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) membolehkan Majlis untuk menggubal undang-undang kecil berkaitan pelesenan dan menguatkuasakannya.

1.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan pelesenan premis perniagaan bagi Majlis Daerah Jerantut (MDJ) dan Majlis Daerah Cameron Highlands (MDCH) adalah kurang memuaskan kerana wujud beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian dalam memastikan pengurusan lesen diurus dengan baik. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Proses permohonan lesen melebihi tempoh yang ditetapkan.
- Terdapat kes di mana perniagaan beroperasi tanpa lesen, lesen tamat tempoh dan lesen sementara yang terlalu lama.
- Semakan kadar lesen tidak dibuat sejak ia dikuatkuasakan.
- Kelemahan Sistem Lesen Berkomputer.
- Premis tanpa penyewa.
- Sasaran kutipan hasil lesen tidak tercapai.
- Prestasi penguatkuasaan dan pengurusan kompaun kurang memuaskan.
- Kaedah pemantauan kurang memuaskan.

1.3. Bagi mengatasi kelemahan dalam pengurusan premis perniagaan adalah disyorkan supaya MDJ dan MDCH mengambil tindakan seperti berikut:

1.3.1. Mematuhi dan mengguna pakai sepenuhnya garis panduan dan piagam pelanggan berkaitan pengeluaran lesen perniagaan. Selain itu, syarat kelulusan lesen sementara perlu disemak semula bagi memastikan semua perniagaan mematuhi syarat lulus lesen.

1.3.2. Mengkaji semula Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian berkaitan kadar lesen bagi menyesuaikan dengan keadaan semasa dan menggubal Undang-Undang Kecil Kesalahan untuk mengurang atau membatalkan kompaun.

1.3.3. Melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan secara bersepadu dan efektif antara Jabatan Pelesenan, Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Teknologi Maklumat bagi memastikan syarat-syarat lesen dipatuhi. Majlis juga perlu sentiasa tegas mengambil tindakan undang-undang terhadap peniaga yang melakukan kesalahan agar lebih bertanggungjawab mematuhi peraturan yang ditetapkan.

1.3.4. Mengambil tindakan susulan secara proaktif terhadap tawaran kompaun yang dikeluarkan supaya dapat mengurangkan jumlah kompaun yang belum selesai dan membantu meningkatkan hasil Majlis.

1.3.5. Majlis Daerah Jerantut perlu menyenggara dengan menyusun, melabel dan menanda barang rampasan yang ditempatkan di stor. Pelupusan barang rampasan hendaklah dibuat dari semasa ke semasa mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

2. YAYASAN PAHANG

- Tahfiz Pahang Sdn. Bhd.

2.1. Tahfiz Pahang Sdn. Bhd. (Syarikat) ditubuhkan pada 15 Januari 2007 adalah sebuah syarikat milik penuh Yayasan Pahang dengan modal dibenarkan berjumlah RM25 juta dan modal berbayar berjumlah RM11.30 juta. Objektif utama penubuhan Syarikat adalah bagi melahirkan golongan hafiz yang profesional dan berupaya menerajui kepentingan agama, bangsa dan negara pada masa hadapan. Manakala visi Syarikat adalah menjadi institusi terkemuka di Malaysia yang dikenali dalam melahirkan modal insan yang cemerlang, sepadu dan seimbang dari segi ilmu wahyu dan alamiah serta rohani dan jasmani. Aktiviti utama Syarikat adalah menguruskan Maahad Tahfiz Negeri Pahang yang menawarkan Program Pengajian Tahfiz Profesional kepada pelajar tingkatan 1 hingga 5 dan Diploma Tahfiz Al-Quran kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia.

2.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Syarikat adalah memuaskan. Prestasi kewangan menunjukkan keuntungan sebelum cukai Syarikat adalah semakin menurun bagi tahun kewangan 2009, 2010 dan 2011 menjadikan keuntungan terkumpul syarikat pada 31 Disember 2011 berjumlah RM2.10 juta. Manakala pengurusan aktiviti dan tadbir urus Syarikat adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat Syarikat yang memerlukan tindakan penambahbaikan. Secara ringkasnya antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Prestasi pelajar bagi program Tahfiz Profesional tidak mencapai *Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan.

- Audit dalaman oleh Agensi Induk tidak pernah dijalankan di Syarikat.
- Kelemahan kawalan dalaman terutama berkaitan kawalan perbelanjaan.

2.3. Bagi menambah baik pengurusan syarikat, pihak Audit mengesyorkan Tahfiz Pahang Sdn. Bhd. mengambil tindakan seperti berikut:

2.3.1. Meningkatkan prestasi pelajar dengan mewujudkan teknik pembelajaran yang lebih berkesan supaya KPI yang ditetapkan dapat dicapai.

2.3.2. Meningkatkan kawalan dalaman syarikat dengan melaksanakan audit dalaman secara berterusan oleh agensi induk iaitu Yayasan Pahang.

2.3.3. Memastikan setiap peraturan kerajaan berkaitan syarikat kerajaan terutama berkaitan penubuhan Jawatankuasa Audit dipatuhi.

2.3.4. Mempertingkatkan tahap pengurusan kewangan syarikat dengan mewujudkan sistem kawalan dalaman yang lebih berkesan terutama berkaitan perbelanjaan.

3. MAJLIS UGAMA ISLAM DAN ADAT RESAM MELAYU PAHANG - **Klinik Al-Amin Sdn. Bhd.**

3.1. Klinik Al-Amin Sdn. Bhd. (KASB) telah diperbadankan pada 29 Julai 2002 dan memulakan operasi pada 28 Januari 2003 di Dataran Jam Masjid Sultan Ahmad Shah 1, Kuantan. Operasinya telah diperluaskan dengan membuka sebuah cawangan di Bandar Rompin pada tahun 2006. KASB merupakan syarikat milik penuh Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dengan modal dibenarkan berjumlah RM500,000 dan modal berbayar berjumlah RM421,452. Aktiviti KASB adalah sebagai klinik perubatan yang menyediakan perkhidmatan kesihatan primer seperti kemudahan rawatan pesakit luar dan pembedahan kecil. Perkhidmatannya telah dipertingkatkan bermula Julai 2011 dengan menawarkan perkhidmatan X-ray.

3.2. Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2012 mendapati prestasi kewangan KASB adalah kurang memuaskan kerana mengalami kerugian sebelum cukai 2 tahun berturut-turut bagi tahun kewangan 2010 dan 2011. Pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat pula adalah memuaskan namun terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti seperti berikut:

- Garis panduan dan prosedur kerja tidak disediakan.
- Laporan penggunaan geran tidak disediakan bagi memantau tujuan penggunaannya.

3.3. Sehubungan itu, pihak Audit mengesyorkan Klinik Al-Amin Sdn. Bhd. mengambil tindakan seperti berikut:

- 3.3.1.** Mempertingkatkan usaha bagi memperbaiki prestasi kewangan syarikat dan memastikan operasi syarikat memberi keuntungan yang optimum.
- 3.3.2.** Memantapkan aktiviti syarikat dengan memfokuskan kepada aktiviti yang mendatangkan keuntungan.
- 3.3.3.** Memperkemaskan tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Kerajaan.
- 3.3.4.** Mewujudkan garis panduan dan prosedur kerja berkaitan pengurusan kewangan bagi memudahkan pemantauan serta mematuhi peraturan dan pekeliling Kerajaan berkaitan syarikat Kerajaan.



AKTIVITI JABATAN/AGENSI DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN NEGERI

MAJLIS DAERAH JERANTUT MAJLIS DAERAH CAMERON HIGHLANDS

1. PENGURUSAN PELESENAN PREMIS PERNIAGAAN

1.1. LATAR BELAKANG

1.1.1. Lesen premis perniagaan adalah lesen yang dikenakan terhadap premis seperti bangunan, rumah dan juga tanah yang digunakan untuk aktiviti perniagaan. Lesen yang dikenakan adalah berdasarkan kepada jenis aktiviti yang dilaksanakan di sesuatu premis berkenaan seperti mengilang/kilang dan stor, lesen perabot, lesen peruncit, lesen membotolkan minuman, lesen keluaran barang-barang bata, lesen makanan dan minuman, lesen pertukangan dan pembaikan, lesen perkhidmatan serta lesen perdagangan dan perniagaan.

1.1.2. Majlis bertanggungjawab untuk menyediakan kemudahan premis perniagaan seperti lot kedai, pasar, medan selera, gerai dan kios. Sehubungan itu, Majlis memainkan peranan penting dalam melesenkan dan mengawal semua jenis perniagaan, perdagangan serta perusahaan yang dijalankan dalam kawasan pentadbirannya. Kuasa yang diberi di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171) membolehkan Majlis untuk menggubal undang-undang kecil berkaitan pelesenan dan menguatkuasakannya.

1.1.3. Majlis Daerah Jerantut (MDJ) dan Majlis Daerah Cameron Highlands (MDCH) menetapkan tanggungjawab utamanya untuk mengawal semua jenis perniagaan, perdagangan dan perusahaan yang dijalankan dalam kawasan pentadbirannya. MDJ dan MDCH masing-masing telah meletakkan tanggungjawab pengurusan pelesenan premis perniagaan di bawah pentadbiran Jabatan Perkhidmatan Perbandaran Dan Pelesenan (Jabatan Pelesenan).

1.1.4. Bagi tahun 2010 hingga 2012, hasil lesen yang dikutip oleh MDJ adalah sejumlah RM2.13 juta atau 4.4% berbanding keseluruhan pendapatan. Manakala MDCH pula telah mengutip hasil lesen sejumlah RM1.19 juta atau 3.9% daripada jumlah keseluruhan pendapatan.

1.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Objektif pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada pengurusan pelesenan premis perniagaan bagi kawasan pentadbiran MDJ dan MDCH telah dilaksanakan dengan cekap, teratur dan berkesan selaras dengan matlamat yang ditetapkan.

1.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan ini adalah meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan pengurusan pelesenan premis perniagaan di MDJ dan MDCH bagi tempoh 2010 hingga 2012. Kaedah pengauditan dijalankan dengan menyemak dan memeriksa rekod, fail, laporan, minit mesyuarat, analisis terhadap data dan dokumen yang berkaitan serta laporan penguatkuasaan yang dilaksanakan. Lawatan ke tapak premis perniagaan, pemeriksaan fizikal dan temu bual dengan pemilik premis serta pegawai Majlis juga dijalankan.

1.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga November 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan pelesenan premis perniagaan bagi MDJ dan MDCH adalah kurang memuaskan kerana wujud beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian dalam memastikan pengurusan lesen diurus dengan baik. Secara ringkasnya kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Proses permohonan lesen melebihi tempoh yang ditetapkan.
- Terdapat kes di mana perniagaan beroperasi tanpa lesen, lesen tamat tempoh dan lesen sementara yang terlalu lama.
- Semakan kadar lesen tidak dibuat sejak ia dikuatkuasakan.
- Kelemahan Sistem Lesen Berkomputer.
- Premis tanpa penyewa.
- Sasaran kutipan hasil lesen tidak tercapai.
- Prestasi penguatkuasaan dan pengurusan kompaun kurang memuaskan.
- Kaedah pemantauan kurang memuaskan.

1.4.1. Prestasi Pengeluaran Lesen

1.4.1.1. Pengeluaran Lesen Baru

- a. Pekeliling Ketua Setiausaha Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan Bilangan 6 Tahun 2011 menetapkan tempoh sah laku lesen perniagaan adalah selama 1 tahun dan boleh dilanjutkan sehingga 3 tahun dengan syarat Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian Pihak Berkuasa Tempatan dipinda.
- b. Bagi tempoh 2010 hingga 2012, sebanyak 872 permohonan lesen premis perniagaan diterima oleh Jabatan Pelesenan MDJ. Dalam tempoh tersebut sebanyak 819 permohonan lesen baru telah diluluskan dan 53 permohonan telah ditolak kerana tidak memenuhi syarat kelulusan lesen. Manakala di MDCH pula sebanyak 262

permohonan lesen premis perniagaan telah diterima oleh Jabatan Pelesenan. Sebanyak 211 permohonan lesen baru telah diluluskan dan 37 permohonan telah ditolak kerana tidak memenuhi syarat kelulusan lesen. Status permohonan bagi tahun 2010 hingga 2012 adalah seperti di **Jadual 1.1** dan **Jadual 1.2**.

Jadual 1.1
Status Permohonan Lesen Majlis Daerah Jerantut
Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012

Tahun	Bilangan Permohonan	Diluluskan	Ditolak	Dalam Proses
2010	368	346	22	-
2011	189	163	26	-
2012	315	310	5	-
Jumlah	872	819	53	-

Sumber: Majlis Daerah Jerantut

Jadual 1.2
Status Permohonan Lesen Majlis Daerah Cameron Highlands
Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012

Tahun	Bilangan Permohonan	Diluluskan	Ditolak	Dalam Proses
2010	67	45	18	4
2011	55	43	8	4
2012	140	123	11	6
Jumlah	262	211	37	14

Sumber: Majlis Daerah Cameron Highlands

1.4.1.2. Proses Permohonan Lesen Melebihi Tempoh Yang Ditetapkan

- a. Piagam Pelanggan Jabatan Pelesenan MDJ telah menetapkan setiap permohonan lesen akan diproses dan dikeluarkan dalam tempoh 7 hari bekerja. Manakala Piagam Pelanggan Jabatan Pelesenan MDCH pula menetapkan setiap permohonan lesen akan diproses dan dikeluarkan dalam tempoh 60 hari bekerja.
- b. Semakan Audit mendapati borang permohonan lesen perniagaan yang diterima tidak disemak oleh Jabatan Pelesenan MDJ bagi memastikan borang permohonan adalah lengkap. Borang permohonan yang diterima juga tidak terus diproses dan menyebabkan permohonan lesen perniagaan diproses melebihi tempoh yang ditetapkan. Kesannya, hasil lesen premis perniagaan lewat diperoleh walaupun peniaga sudah menjalankan perniagaan. Semakan lanjut terhadap 100 sampel fail permohonan yang diluluskan oleh MDJ mendapati, 26 permohonan tersebut telah diproses melebihi tempoh yang ditetapkan seperti di **Jadual 1.3**. **Maklum balas daripada MDJ bertarikh 26 Februari 2013, menjelaskan status perniagaan dan kawasan yang tidak pasti dan diragui kesahihannya sebagai contoh premis bertutup/peniaga tidak dapat dikesan semasa pemeriksaan tapak dijalankan menyebabkan permohonan lesen tidak dapat diproses mengikut masa yang ditetapkan.**

Jadual 1.3
Proses Permohonan Lesen Melebihi Tempoh Yang Ditetapkan
Majlis Daerah Jerantut Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012

Tahun	Bilangan Hari Lewat				Jumlah
	1 – 30	31 – 60	61 – 90	Melebihi 90	
2010	0	5	0	5	10
2011	1	2	1	5	9
2012	3	2	0	2	7
Jumlah	4	9	1	12	26

Sumber: Majlis Daerah Jerantut

- c. Manakala semakan lanjut Audit terhadap 100 sampel fail permohonan lesen di MDCH pula mendapati sebanyak 12 permohonan lesen telah diproses melebihi tempoh yang ditetapkan oleh Piagam Pelanggan Jabatan Pelesenan kerana lewat dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan untuk kelulusan seperti di **Jadual 1.4. Maklum balas daripada MDCH bertarikh 20 Februari 2013, menjelaskan jawatan Ahli Majlis yang merupakan ahli Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan tidak diisi pada tahun 2010 dan 2011 menyebabkan mesyuarat tidak dapat dijalankan mengikut ketetapan.**

Jadual 1.4
Proses Permohonan Lesen Melebihi Tempoh
Yang Ditetapkan Majlis Daerah Cameron Highlands
Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012

Tahun	Bilangan Hari Lewat				Jumlah
	1 – 30	31 – 60	61 – 90	Jumlah	
2010	1	3	3	7	
2011	4	1	-	5	
2012	-	-	-	-	
Jumlah	5	4	3	12	

Sumber: Majlis Daerah Cameron Highlands

Pada pendapat Audit, proses permohonan lesen di MDJ dan MDCH adalah kurang memuaskan kerana melebihi tempoh yang ditetapkan oleh Piagam Pelanggan.

1.4.2. Perniagaan Beroperasi Tanpa Lesen

1.4.2.1. Seksyen 2, Undang-Undang Kecil Tred, Perniagaan dan Perindustrian MDJ dan MDCH menetapkan semua tempat atau premis tidak boleh menjalankan apa-apa tred, perniagaan atau perindustrian tanpa memperoleh lesen daripada Majlis. Sebanyak 30 premis perniagaan telah dilawati masing-masing di MDJ dan MDCH untuk menentukan peniaga memiliki lesen perniagaan yang sah.

1.4.2.2. Lawatan Audit pada 9 Oktober 2012 mendapati sebuah rumah kediaman di Taman Bukit Pedah, Jerantut telah diubahsuai menjadi hotel dan telah beroperasi sejak tahun 2005. Pihak Audit dimaklumkan oleh pegawai MDJ bahawa, pengusaha premis gagal mendapatkan kelulusan untuk meminda syarat nyata tanah dari bangunan (kediaman) kepada bangunan (perniagaan) daripada Pejabat Tanah Dan Galian Pahang sejak tahun 2004. Oleh yang demikian, usaha untuk mendapatkan lesen perniagaan yang

sah tidak dapat dibuat kerana tidak mematuhi salah satu syarat lulus lesen. Rumah kediaman yang diubahsuai dan beroperasi sebagai hotel tanpa lesen perniagaan adalah seperti di **Gambar 1.1** dan **Gambar 1.2**.

Gambar 1.1
Rumah Kediaman Beroperasi Sebagai Hotel Tanpa Lesen Perniagaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Bukit Pedah, Jerantut
Tarikh: 9 Oktober 2012

Gambar 1.2
Rumah Kediaman Beroperasi Sebagai Hotel Tanpa Lesen Perniagaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Bukit Pedah, Jerantut
Tarikh: 9 Oktober 2012

1.4.2.3. MDJ telah mengeluarkan 2 notis kompaun kepada pengusaha hotel. Bagaimanapun, notis kompaun tidak diselesaikan dan tiada tindakan susulan diambil oleh MDJ menyebabkan hotel terus beroperasi tanpa lesen perniagaan selama 7 tahun. Kelemahan penguatkuasaan MDJ telah menyebabkan hotel ini terus beroperasi tanpa menghiraukan undang-undang yang ditetapkan. **Maklum balas daripada MDJ bertarikh 26 Februari 2013, menjelaskan cadangan pemotongan bekalan air dan elektrik terhadap hotel yang beroperasi tanpa lesen ini telah dibuat. Bagaimanapun, tindakan itu tidak dapat diteruskan kerana pihak atasan mengarahkan tindakan itu dibatalkan.**

1.4.2.4. Lawatan Audit pada 10 Oktober 2012 di kawasan MDJ mendapati premis perusahaan burung walit beroperasi tanpa lesen perniagaan seperti di **Gambar 1.3** dan **Gambar 1.4**.

Gambar 1.3
Premis Perusahaan Burung Walit
Di Kawasan Bandar Beroperasi
Tanpa Lesen Perniagaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Bandar Lama Jerantut
 Tarikh: 10 Oktober 2012

Gambar 1.4
Premis Perusahaan Burung Walit
Di Kawasan Luar Bandar Beroperasi
Tanpa Lesen Perniagaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Jalan Jerantut-Benta
 Tarikh: 10 Oktober 2012

- a. Semakan Audit terhadap rekod MDJ mendapati sebanyak 48 premis perusahaan burung walit di kawasan luar bandar dan 3 premis di kawasan bandar beroperasi tanpa lesen perniagaan sejak tahun 2010. **Maklum balas daripada MDJ bertarikh 26 Februari 2013, menjelaskan lesen untuk 48 premis perusahaan burung walit tidak dikeluarkan kerana menunggu Garis Panduan Baru Perusahaan Burung Walit diluluskan oleh Pihak Berkuasa Negeri.**
- b. MDJ dianggarkan kehilangan hasil bayaran lesen sejumlah RM138,600 daripada aktiviti perusahaan burung walit berdasarkan kadar lesen yang ditetapkan oleh MDJ seperti di **Jadual 1.5**.

Jadual 1.5
Anggaran Kehilangan Hasil Daripada Perniagaan Beroperasi Tanpa Lesen
Majlis Daerah Jerantut Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012

Bil.	Jenis Hasil	Asas Perkiraan	Jumlah (RM)
1.	Premis Perusahaan Burung Walit (Kawasan Bandar)	3 Premis x RM1,000 x 3 Tahun	9,000
2.	Premis Perusahaan Burung Walit (Kawasan Luar Bandar)	48 Premis x RM900 x 3 Tahun	129,600
Jumlah			138,600

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4.2.5. Lawatan Audit di kawasan MDCH pada 28 November 2012 mendapati sebuah premis kedai runcit telah beroperasi tanpa lesen perniagaan dan diusahakan oleh warga asing. Penguatkuasaan yang tidak menyeluruh dan maklumat dalam sistem pelesenan berkomputer yang tidak kemas kini telah menyebabkan premis ini beroperasi tanpa lesen sejak tahun 2011 seperti di **Gambar 1.5**. **Maklum balas daripada MDCH bertarikh 20 Februari 2013, menjelaskan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan Kali Pertama Tahun 2012 yang bersidang pada 30 Januari 2012 telah membuat keputusan**

menolak permohonan lesen peniaga tersebut kerana lokasi perniagaan terletak di atas Tanah Kerajaan dan status pemohon bukan warga negara Malaysia.



Gambar 1.5
Premis Kedai Runcit Beroperasi Tanpa
Lesen Yang Diusahakan Oleh Warga Asing

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kuala Terla, Cameron Highlands
Tarikh: 28 November 2012

1.4.3. Perniagaan Beroperasi Dengan Lesen Tamat Tempoh

1.4.3.1. Seksyen 5, Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian MDJ dan MDCH menetapkan setiap lesen perlu diperbaharui pada atau sebelum tarikh tamat tempoh lesen tersebut.

1.4.3.2. Semakan Audit terhadap rekod MDJ mendapati sebanyak 91 premis perusahaan burung walit di kawasan bandar beroperasi dengan lesen yang telah tamat tempoh. Adalah dianggarkan MDJ kehilangan hasil lesen tahun semasa sejumlah RM91,000 daripada operasi premis perusahaan burung walit yang tamat tempoh berdasarkan kadar lesen yang ditetapkan oleh MDJ seperti di **Jadual 1.6**. **Setelah mendapat teguran Audit, MDJ melalui maklum balasnya bertarikh 26 Februari 2013, menjelaskan bahawa notis secara lisan telah dibuat dan surat peringatan telah dikeluarkan pada November 2012 kepada kesemua pengusaha premis tersebut. Sehingga Disember 2012, sebanyak 80 premis telah menjelaskan bayaran lesen setelah notis dikeluarkan. Manakala 11 premis belum memperbaharui lesen kerana pengusaha premis tidak dapat dihubungi.**

Jadual 1.6
Anggaran Kehilangan Hasil Daripada Perniagaan Beroperasi Dengan
Lesen Tamat Tempoh Majlis Daerah Jerantut Pada Tahun 2012

Jenis Hasil	Asas Perkiraan	Jumlah (RM)
Premis Perusahaan Burung Walit (Kawasan Bandar)	91 Premis x RM1,000	91,000

Sumber: Jabatan Audit Negara

1.4.3.3. Lawatan Audit di kawasan MDCH pada 28 November 2012 mendapati sebanyak 6 premis perniagaan seperti bengkel motosikal, restoran dan kedai cenderahati beroperasi dengan lesen tamat tempoh seperti di **Gambar 1.6** hingga **Gambar 1.11**.

Gambar 1.6
Premis Membaiki Motosikal Beroperasi
Dengan Lesen Tamat Tempoh



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Ringlet, Cameron Highlands
 Tarikh: 28 November 2012

Gambar 1.7
Premis Menjual Cenderahati Beroperasi
Dengan Lesen Tamat Tempoh



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Brinchang, Cameron Highlands
 Tarikh: 28 November 2012

Gambar 1.8
Restoran Beroperasi Dengan Lesen
Tamat Tempoh



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Tringkap, Cameron Highlands
 Tarikh: 28 November 2012

Gambar 1.9
Restoran Beroperasi Dengan Lesen
Tamat Tempoh



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Brinchang, Cameron Highlands
 Tarikh: 28 November 2012

Gambar 1.10
Premis Pembekal Alat Ganti Kereta
Beroperasi Dengan Lesen Tamat Tempoh



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Brinchang, Cameron Highlands
 Tarikh: 28 November

Gambar 1.11
Restoran Beroperasi Dengan Lesen
Tamat Tempoh



Sumber: Jabatan Audit Negara
 Lokasi: Brinchang, Cameron Highlands
 Tarikh: 28 November 2012

1.4.4. Perniagaan Beroperasi Dengan Lesen Premis Sementara

1.4.4.1. Lesen Premis Sementara adalah lesen yang dikeluarkan untuk tempoh masa yang terhad iaitu 3 hingga 6 bulan kepada permohonan yang tidak memenuhi syarat lulus lesen. Pemohon diberi peluang untuk memenuhi syarat-syarat permohonan lesen dalam tempoh tersebut.

1.4.4.2. Lawatan Audit pada 9 Oktober 2012 di kawasan MDJ mendapati 3 buah rumah kediaman dijadikan restoran dan beroperasi dengan lesen sementara sejak tahun 1999, 2000 dan 2010 seperti di **Gambar 1.12** hingga **Gambar 1.17**.

Gambar 1.12
Rumah Dijadikan Restoran Dan Beroperasi Dengan Lesen Sementara Sejak Tahun 1999



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Tiew Soon, Jerantut
Tarikh: 9 Oktober 2012

Gambar 1.13
Rumah Dijadikan Restoran Dan Beroperasi Dengan Lesen Sementara Sejak Tahun 1999



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Tiew Soon, Jerantut
Tarikh: 9 Oktober 2012

Gambar 1.14
Rumah Dijadikan Restoran Dan Beroperasi Dengan Lesen Sementara Sejak Tahun 2000



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Mawar Murni, Jerantut
Tarikh: 9 Oktober 2012

Gambar 1.15
Rumah Dijadikan Restoran Dan Beroperasi Dengan Lesen Sementara Sejak Tahun 2000



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Mawar Murni, Jerantut
Tarikh: 9 Oktober 2012

Gambar 1.16
Rumah Dijadikan Restoran Dan Beroperasi Dengan Lesen Sementara Sejak Tahun 2010



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Sri Tahan, Jerantut
Tarikh: 9 Oktober 2012



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Taman Sri Tahan, Jerantut
Tarikh: 9 Oktober 2012

1.4.4.3. MDJ masih meluluskan permohonan pembaharuan lesen premis sementara oleh 3 peniaga berkenaan dan ia berlanjutan selama 3 hingga 13 tahun walaupun tidak memenuhi syarat lulus lesen. Kelulusan berterusan yang diberikan akan menggalakkan peniaga untuk tidak mematuhi syarat lulus lesen yang telah ditetapkan. Pihak Audit juga mendapati MDJ gagal menguatkuasakan undang-undang dengan lebih tegas. **Maklum balas daripada MDJ bertarikh 26 Februari 2013, menjelaskan rumah dijadikan restoran di Taman Teow Soon dan Taman Mawar Murni telah beroperasi sejak tahun 1960 dan pada asalnya lesen telah diluluskan oleh MDJ. Bagaimanapun pada tahun 1999 lesen tersebut telah dibatalkan dan digantikan dengan lesen sementara untuk tujuan kawalan pematuhan syarat perniagaan terutama dari segi kebersihan dan gangguan kepada jiran bersebelahan. Lesen sementara juga dikeluarkan kepada pengusaha restoran di Taman Sri Tahan sehingga cadangan zon lot tepi perumahan di tukar kepada zon perniagaan di dalam Perancangan Tempatan Daerah Jerantut.**

Pada pendapat Audit penguatkuasaan undang-undang di MDJ dan MDCH adalah lemah kerana masih wujud perniagaan beroperasi tanpa lesen, lesen tamat tempoh dan lesen sementara dalam tempoh yang lama. Selain itu, kelemahan komunikasi dan koordinasi antara Jabatan Pelesenan, Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Teknologi Maklumat menyebabkan penguatkuasaan yang dijalankan kurang berkesan.

1.4.5. Semakan Kadar Lesen Tidak Dibuat

1.4.5.1. MDJ mengguna pakai kadar lesen seperti yang dinyatakan dalam Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian yang diwujudkan pada tahun 1987. Manakala MDCH mengguna pakai kadar lesen dalam Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan yang diwujudkan pada tahun 1984. Mengikut Seksyen 102 Akta Kerajaan Tempatan 1976, Majlis boleh dari semasa ke semasa membuat, meminda dan membatalkan undang-undang kecil mengenai segala perkara yang perlu atau sesuai.

1.4.5.2. Semakan Audit mendapati MDJ dan MDCH masih lagi mengekalkan kadar lesen yang telah dikuatkuasakan melebihi 25 tahun. Kadar lesen yang dikenakan adalah terlalu rendah dan ia kurang sesuai dengan keadaan semasa. Semakan semula terhadap undang-undang kecil berkaitan kadar lesen tidak dibuat dan menyebabkan hasil lesen tidak dapat dipertingkatkan. **Maklum balas daripada MDJ bertarikh 26 Februari 2013, menjelaskan akan memohon Bahagian Kerajaan Tempatan, Setiausaha Kerajaan Negeri membuat semakan semula Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian untuk PBT Negeri Pahang. Manakala maklum balas daripada MDCH bertarikh 8 Februari 2013 menjelaskan, usaha untuk menyemak semula kadar lesen sedang dibuat dan perlu mendapat persetujuan daripada Mesyuarat Penuh Majlis dan Kerajaan Negeri.**

Pada pendapat Audit semakan semula undang-undang kecil berkaitan kadar lesen wajar dilakukan bagi menyesuaikan dengan keperluan semasa supaya hasil Majlis dapat dipertingkatkan.

1.4.6. Kelemahan Sistem Lesen Berkomputer

1.4.6.1. Sistem Lesen Berkomputer yang baik mampu memberi kemudahan kepada Majlis iaitu dengan memastikan kemasukan data yang tersusun dan tepat, serta maklumat yang disimpan terjamin keselamatan dan kesahihannya.

1.4.6.2. Semakan Audit mendapati MDJ menggunakan Sistem Integrasi Majlis (SIM) yang telah dibangunkan pada tahun 1999 dalam pengurusan lesennya. Sistem ini boleh menyimpan data mengenai pemegang lesen seperti nama pemilik premis, nombor kad pengenalan, alamat, jenis perniagaan, nombor lesen dan jumlah bayaran lesen yang dikenakan. Bagaimanapun, sistem ini hanya mampu menjana bil lesen sahaja. Sistem ini juga tidak dapat menjana laporan berhubung premis yang masih aktif atau telah menghentikan perniagaan dan lesen tamat tempoh. **Maklum balas daripada MDJ bertarikh 26 Februari 2013, menjelaskan SIM mempunyai masalah dan gagal menjana statistik status lesen. Sistem e-PBT telah digunakan bagi menggantikan sistem sedia ada. Bagaimanapun, Modul Pelesenan masih di peringkat kemasukan data dan SIM digunakan sebagai rujukan.**

1.4.6.3. MDCH pula menggunakan Sistem e-LOGINS dalam pengurusan lesennya sejak tahun 2007. Sistem ini boleh menyimpan data berkaitan pemegang lesen seperti nama pemilik premis, nombor kad pengenalan, alamat, jenis perniagaan, nombor lesen dan jumlah bayaran lesen yang dikenakan. Sistem ini juga mampu menjana pelbagai laporan berkaitan lesen di antaranya ialah laporan penyata lesen, laporan permohonan lesen yang telah diluluskan dan laporan penyata penghutang. Semakan Audit terhadap Senarai Lesen Tidak Diperbaharui Mengikut Kawasan yang dijana oleh sistem menunjukkan sebanyak 1,080 pelesen tidak memperbaharui lesen. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 28 November 2012 terhadap 15 sampel premis perniagaan yang telah dipilih berdasarkan senarai tersebut mendapati kesemuanya tidak aktif. Semakan lanjut

mendapati ia berlaku kerana maklumat berkaitan pelesen tersebut tidak dikemas kini dan menyebabkan laporan yang dijana tidak dapat menunjukkan jumlah sebenar pelesen premis perniagaan yang aktif. **Maklum balas daripada MDCH bertarikh 8 Februari 2013, menjelaskan mulai tahun 2013 pemeriksaan terhadap setiap premis yang tidak memperbaharui lesen telah dijalankan untuk mengenal pasti status sebenar pelesen tersebut.**

Pada pendapat Audit Sistem Lesen Berkomputer di MDJ dan MDCH adalah tidak memuaskan kerana laporan yang dijana tidak tepat bagi membantu Majlis dalam pengurusan pelesenannya.

1.4.7. Premis Tanpa Penyewa

1.4.7.1. Majlis ada menyediakan kemudahan premis perniagaan yang terdiri dari lot kedai, pasar, medan selera, gerai dan kios yang ditawarkan secara sewaan kepada peniaga yang berminat. Majlis juga bertanggungjawab menyenggara dan menyediakan infrastruktur serta kemudahan awam di kawasan tersebut supaya dapat memberi keselesaan kepada orang ramai.

1.4.7.2. Lawatan Audit di kawasan MDJ pada 9 Oktober 2012 mendapati 9 daripada 28 ruang niaga di D' Kilau Court, Kompleks Peniaga Kecil, Bandar Lama Jerantut yang dibina melalui peruntukan Kementerian Perumahan Dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dengan kos sejumlah RM1.10 juta gagal disewakan sejak siap pembinaan pada akhir tahun 2009 seperti di **Gambar 1.18** dan **Gambar 1.19**.

Gambar 1.18

Ruang Niaga D'Kilau Court Gagal Disewakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: D'Kilau Court, Bandar Lama Jerantut
Tarikh: 9 Oktober 2012

Gambar 1.19

Ruang Niaga D'Kilau Court Gagal Disewakan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: D'Kilau Court, Bandar Lama Jerantut
Tarikh: 9 Oktober 2012

1.4.7.3. Berdasarkan temu bual dengan pegawai MDJ, premis D'Kilau Court gagal disewakan kerana lokasinya di Bandar Lama Jerantut tidak strategik, kurang menarik dan tiada kemudahan medan selera disediakan. Kegagalan menyewakan premis ini telah menyebabkan kemudahan ruang niaga yang disediakan tidak digunakan sepenuhnya dan turut mengurangkan hasil sewa dan lesen yang sepatutnya diterima oleh MDJ. Anggaran

kehilangan hasil sewa bagi tempoh 2010 hingga 2012 adalah sejumlah RM97,200 berdasarkan kadar sewa yang ditetapkan seperti di **Jadual 1.7**.

Jadual 1.7
Anggaran Kehilangan Hasil Sewa D’Kilau Court Majlis Daerah Jerantut
Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012

Jenis Hasil	Asas Perkiraan	Jumlah (RM)
Sewa Premis	9 Premis x RM300 x 3 Tahun	97,200

Sumber: Jabatan Audit Negara

- a. Rekod MDJ menunjukkan perbezaan mengenai status ruang niaga di D’Kilau Court di antara laporan yang dijana melalui sistem e-PBT dengan Buku Daftar Gerai seperti di **Jadual 1.8**.

Jadual 1.8
Perbezaan Rekod Status Ruang Niaga D’Kilau Court Di Antara
Laporan e-PBT Dengan Buku Daftar Gerai Majlis Daerah Jerantut

Bil.	No. Premis	Status Di e-PBT	Status Di Buku Daftar Gerai
1.	No. 2	Ada Penyewa	Kosong
2.	No. 3	Ada Penyewa	Kosong
3.	No. 4	Ada Penyewa	Kosong
4.	No. 5	Ada Penyewa	Kosong
5.	No. 6	Ada Penyewa	Kosong
6.	No. 7	Ada Penyewa	Kosong
7.	No. 8	Ada Penyewa	Kosong

Sumber: Majlis Daerah Jerantut

- b. Perbezaan ini berlaku kerana maklumat berkaitan status ruang niaga tidak dikemaskini di dalam sistem e-PBT dan menyebabkan laporan yang dijana adalah tidak tepat. **Maklum balas daripada MDJ bertarikh 26 Februari 2013, menjelaskan Sistem e-PBT mengalami masalah semasa proses mengemaskini data penyewa gerai.**

1.4.7.4. Manakala lawatan Audit di kawasan MDCH pada 28 November 2012 mendapati 9 daripada 35 ruang niaga iaitu 2 di Pasar Lembah Bertam, 3 di Pasar Tringkap dan 4 di Pasar Kuala Terla gagal disewakan. Sebanyak 5 daripada 9 ruang niaga berkenaan kosong semenjak ia mula ditawarkan. Butiran lanjut mengenai ruang niaga yang kosong seperti di **Jadual 1.9**. **Maklum balas daripada MDCH bertarikh 8 Februari 2013, menjelaskan usaha mengiklankan ruang niaga yang kosong sentiasa dilakukan. Bagaimanapun, kedudukan pasar yang tidak strategik membuatkan peniaga tidak berminat untuk menyewa ruang niaga tersebut.**

Jadual 1.9
Senarai Ruang Niaga Kosong Di Majlis Daerah Cameron Highlands

Bil.	Kawasan	No. Gerai	Tahun Mula Kosong
1.	Pasar Lembah Bertam	4	2005
		6	1998
2.	Pasar Tringkap	1	2012
		2	1999
		5	1999
3.	Pasar Kuala Terla	2	2011
		6	2010
		7	2007
		8	2007

Sumber: Majlis Daerah Cameron Highlands

Pada pendapat Audit, pengurusan kemudahan premis perniagaan yang disediakan oleh MDJ adalah kurang memuaskan kerana tidak dimanfaatkan sepenuhnya memandangkan masih terdapat banyak ruang niaga yang kosong. Selain itu, lokasi dan kemudahan yang disediakan berhampiran dengan premis perniagaan juga perlu diberi perhatian untuk kepentingan dan keselesaan orang ramai.

1.4.8. Prestasi Kutipan Hasil Lesen

1.4.8.1. Lesen merupakan salah satu daripada hasil Majlis yang terdiri daripada kutipan bayaran lesen perniagaan, iklan, permit, sewaan kompleks dan tapak penjaja. Permohonan lesen bagi menjalankan perniagaan dibuat secara tahunan. Kadar bayaran lesen yang dikeluarkan oleh Majlis adalah antara RM2 hingga RM1,000 bergantung kepada keluasan premis dan jenis perniagaan.

1.4.8.2. Semakan Audit mendapati MDJ menganggarkan kutipan hasil lesen sejumlah RM450,000 dan RM679,860 pada tahun 2010 dan 2011 masing-masing. Manakala, pada tahun 2012, MDJ menganggarkan kutipan hasil lesen sejumlah RM1,474,163 seperti di **Jadual 1.10**.

Jadual 1.10
Prestasi Kutipan Hasil Lesen Berbanding Anggaran
Majlis Daerah Jerantut Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012

Tahun	Anggaran (RM)	Sebenar (RM)	Perbezaan (RM)	Peratus (%)
2010	450,000	600,416	150,416	133.4
2011	679,860	726,346	46,486	106.8
2012	1,474,163	799,882	(674,281)	54.3
Jumlah	2,604,023	2,126,644	(477,379)	81.7

Sumber: Majlis Daerah Jerantut

- a. Analisis Audit mendapati prestasi kutipan hasil lesen MDJ melebihi anggaran pada tahun 2010 dan 2011 iaitu sejumlah RM150,416 atau 133.4% dan RM46,486 atau 106.8% masing-masing. Bagaimanapun, pada tahun 2012 hasil lesen tidak mencapai sasaran seperti yang ditetapkan. Hasil kutipan hanyalah sejumlah RM799,882 atau 54.3% daripada RM1,474,163.

- b. Pada tahun 2012 MDJ menganggarkan hasil Lesen Premis Perusahaan Burung Walit sejumlah RM698,163. Bagaimanapun, anggaran hasil tersebut didapati tidak tercapai. MDJ hanya berjaya mengutip sejumlah RM103,120 atau 14.8% seperti di **Jadual 1.11. Maklum balas daripada MDJ bertarikh 26 Februari 2013, menjelaskan kutipan hasil tidak dapat mencapai sasaran berikutan kenaikan kadar lesen baru yang lebih tinggi seperti dalam Garis Panduan Dan Syarat Lesen Premis Perusahaan Sarang Burung Walit Negeri Pahang masih belum dikuatkuasakan.**

Jadual 1.11
Prestasi Kutipan Hasil Lesen Berbanding Anggaran
Majlis Daerah Jerantut Pada Tahun 2012

Hasil Lesen	Anggaran (RM)	Sebenar (RM)	Perbezaan (RM)	Peratus (%)
Lesen Binatang/Burung	698,163	103,120	595,043	14.8

Sumber: Majlis Daerah Jerantut

Pada Pendapat Audit, kutipan hasil sebenar MDJ adalah kurang memuaskan kerana tidak mencapai sasaran hasil yang ditetapkan. Pihak MDJ perlu menyediakan anggaran hasil yang lebih realistik supaya prestasi kutipan hasil dapat dinilai dengan wajar.

1.4.8.3. Semakan Audit terhadap rekod MDCH mendapati pada tahun 2010, anggaran hasil lesen adalah sejumlah RM395,900 dan kutipan sebenar hasil lesen adalah sejumlah RM387,903 atau 98%. Manakala pada tahun 2011 MDCH menganggarkan hasil lesen sejumlah RM409,600 dan berjaya mengutip RM405,617 atau 99%. Pada tahun 2012 MDCH telah mengutip hasil lesen sejumlah RM392,927 atau 92.7% daripada RM423,950 seperti di **Jadual 1.12.**

Jadual 1.12
Prestasi Kutipan Hasil Lesen Berbanding Anggaran
Majlis Daerah Cameron Highlands Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012

Tahun	Anggaran (RM)	Sebenar (RM)	Perbezaan (RM)	Peratus (%)
2010	395,900	387,903	7,997	98.0
2011	409,600	405,617	3,983	99.0
2012	423,950	392,927	31,023	92.7
Jumlah	1,229,450	1,186,447	43,003	96.5

Sumber: Majlis Daerah Cameron Highlands

Pada Pendapat Audit kutipan hasil MDCH adalah memuaskan kerana mencapai anggaran hasil yang disediakan pada setiap tahun.

1.4.9. Penguatkuasaan

Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan Dan Perindustrian menetapkan peniaga tidak dibenarkan menjalankan atau memulakan tred, perniagaan atau perindustrian tanpa lesen yang dikeluarkan oleh Majlis. Bahagian Penguatkuasaan bertanggungjawab

menjalankan aktiviti rondaan harian di premis, gerai-gerai dan penjaja yang menjalankan perniagaan, mengeluarkan notis dan kompaun ke atas kesalahan-kesalahan yang dilakukan dan rampasan barang-barang perniagaan yang tidak mematuhi syarat-syarat lesen.

1.4.9.1. Rondaan Harian

- a. Pemeriksaan secara rondaan harian oleh Bahagian Penguatkuasaan ke atas setiap lesen perniagaan dilakukan secara berkala setiap hari berdasarkan Jadual Tugas Harian Penguatkuasaan dan kompaun akan dikeluarkan bagi aktiviti yang menyalahi undang-undang.
- b. Semakan Audit di MDJ mendapati Jadual Tugas Harian tahun 2011 dan 2012 tidak disediakan. Tugas penguatkuasaan hanya dijalankan berdasarkan Jadual Tugas Harian Penguatkuasaan tahun 2010 dan aduan awam. Selain itu, laporan terhadap tugas-tugas rondaan harian dan pemeriksaan premis perniagaan secara berkala tidak disediakan. Laporan hanya disediakan apabila berlaku kes-kes yang memerlukan siasatan lanjutan. Rekod dan maklumat berkaitan tugas-tugas penguatkuasaan secara rondaan harian tidak disediakan bagi membuktikan Bahagian Penguatkuasaan MDJ telah melaksanakan tugas dengan sewajarnya. **Maklum balas daripada MDJ bertarikh 26 Februari 2013, menjelaskan tugas penguatkuasaan dijalankan berdasarkan Jadual Tugas Harian tahun 2010 kerana tiada pembaharuan atau penambahan kawasan.**
- c. Tugas-tugas rondaan, pemeriksaan premis dan tindakan penguatkuasaan di MDCH dijalankan mengikut Program Jadual Pemantauan Penguatkuasaan yang telah disediakan. Semakan Audit mendapati laporan harian dan mingguan terhadap tugas-tugas tersebut ada disediakan dan jelas melaporkan anggota penguatkuasa yang terlibat, lokasi, aktiviti serta tindakan penguatkuasaan yang diambil dan disahkan oleh Pegawai Penyelia.

Pada pendapat Audit prestasi penguatkuasaan melalui rondaan harian MDJ adalah tidak memuaskan kerana Program Jadual Harian Aktiviti Penguatkuasaan, laporan harian terhadap tugas-tugas rondaan dan pemeriksaan premis perniagaan secara berkala tidak disediakan. Manakala keberkesanan aktiviti rondaan di MDCH dapat dipertingkatkan sekiranya Bahagian Teknologi Maklumat dan Jabatan Pelesenan membekalkan maklumat terkini premis perniagaan.

1.4.9.2. Kompaun

a. Rekod Kompaun

- i. Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Jalan, Parit Dan Bangunan dan Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Kerajaan Tempatan menetapkan kompaun akan dikenakan sekiranya berlaku

pelanggaran peruntukan berkaitan pelesenan. Kadar kompaun yang dikenakan adalah sejumlah RM250 bagi kesalahan berkaitan premis perniagaan.

- ii. Semakan Audit terhadap rekod kompaun di MDJ mendapati Daftar Rekod Kompaun tidak diselenggarakan bagi merekod kompaun yang dikeluarkan tahun 2010. Manakala Daftar Rekod Kompaun tahun 2011 dan 2012 yang diselenggarakan didapati tidak lengkap dan kemas kini. Maklumat tentang kadar kompaun kesalahan juga tidak dinyatakan. Selain itu, jumlah kompaun premis perniagaan di Buku Daftar Kompaun berbeza dengan jumlah di Laporan Kompaun Lesen Perniagaan. Kelemahan penyelenggaraan rekod kompaun adalah disebabkan pegawai di Bahagian Penguatkuasaan tidak peka tentang kepentingan menyelenggara rekod-rekod yang berkaitan dan peraturan yang perlu dipatuhi. Kesannya, kedudukan sebenar keseluruhan kompaun tidak dapat ditentukan.
- iii. Semakan Audit terhadap rekod kompaun di MDCH pula mendapati rekod kompaun telah diselenggarakan dengan memuaskan. Maklumat kompaun seperti kategori kesalahan, jumlah, tunggakan, pengurangan dan pembatalan kompaun telah direkodkan dengan lengkap dan kemas kini.

b. Notis Peringatan Kompaun

- i. Penerima kompaun di MDJ diberi tempoh 7 hari dari tarikh kompaun dikeluarkan untuk mematuhi arahan dan menjelaskan kompaun. Notis Peringatan Tuntutan Penyelesaian Kompaun kepada penerima kompaun akan dikeluarkan kepada mereka yang masih gagal menyelesaikan kompaun tersebut sebagai tindakan susulan. Prosedur penguatkuasaan pelesenan menetapkan penerima kompaun diberi tempoh 14 hari dari tarikh Notis Peringatan Tuntutan Penyelesaian Kompaun untuk menjelaskan bayaran.
- ii. Semakan Audit mendapati Bahagian Penguatkuasaan MDJ tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan. Notis Peringatan Tuntutan Penyelesaian Kompaun kepada penerima kompaun dikeluarkan pada setiap akhir tahun. Bagi tempoh 2010 hingga 2012, MDJ telah mengeluarkan sebanyak 683 kompaun premis perniagaan seperti di **Jadual 1.13. Maklum balas MDJ bertarikh 26 Februari 2013, menjelaskan Bahagian Penguatkuasaan tidak mempunyai petugas khusus untuk menguruskan notis peringatan tuntutan penyelesaian kompaun dan menyebabkan notis peringatan terpaksa dikeluarkan pada setiap akhir tahun.**

Jadual 1.13
Kedudukan Kompaun Premis Perniagaan Majlis Daerah Jerantut
Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012

Tahun	Bilangan Kompaun	Bilangan Kompaun Diselesaikan	Peratus (%)	Bilangan Kompaun Belum Selesai	Peratus (%)
2010	227	32	14.1	195	85.9
2011	226	92	40.7	134	59.3
2012	230	125	54.3	105	45.7
Jumlah	683	249	36.5	434	63.5

Sumber: Majlis Daerah Jerantut

- Analisis Audit mendapati daripada 683 kompaun yang dikeluarkan sebanyak 249 kompaun atau 36.5% telah berjaya diselesaikan. Manakala baki 434 kompaun atau 63.5% masih belum diselesaikan.
- Semakan Audit mendapati tiada tindakan susulan dan pemantauan berkala dilakukan oleh Bahagian Penguatkuasaan terhadap kompaun-kompaun yang masih belum selesai kerana penyelenggaraan rekod kompaun yang tidak kemas kini. Kelewatan tindakan susulan ini telah menyebabkan MDJ kehilangan hasil kompaun bagi tahun semasa dianggarkan berjumlah RM108,500 berdasarkan kadar kompaun premis perniagaan seperti di **Jadual 1.14**.

Jadual 1.14
Anggaran Kehilangan Hasil Kompaun
Majlis Daerah Jerantut Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012

Tahun	Bilangan Kompaun Belum Selesai	Kadar Kompaun (RM)	Jumlah (RM)
2010	195	250	48,750
2011	134		33,500
2012	105		26,250
Jumlah	434		108,500

Sumber: Majlis Daerah Jerantut

- iii. Bahagian Penguatkuasaan MDCH juga tidak mematuhi peraturan tersebut kerana Notis Peringatan Kompaun didapati dikeluarkan pada tahun berikutnya. Bagi tempoh 2010 hingga 2012, MDCH telah mengeluarkan sebanyak 313 kompaun kesalahan premis perniagaan seperti di **Jadual 1.15**.

Jadual 1.15
Kedudukan Kompaun Premis Perniagaan Majlis Daerah Cameron Highland
Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012

Tahun	Bilangan Kompaun Dikeluarkan	Bilangan Kompaun Diselesaikan	Peratus (%)	Bilangan Kompaun Belum Selesai	Peratus (%)
2010	145	132	91.0	13	9.0
2011	91	75	82.4	16	17.6
2012	77	61	79.2	16	20.8
Jumlah	313	268	85.6	45	14.3

Sumber: Majlis Daerah Cameron Highlands

- Analisis Audit terhadap prestasi pembayaran kompaun mendapati sebanyak 268 kompaun atau 85.6% berjaya diselesaikan. Manakala baki 45 kompaun atau 14.3% masih belum diselesaikan.
- Bahagian Penguatkuasaan MDCH telah mengambil tindakan susulan terhadap kompaun-kompaun yang masih gagal dikutip dengan melakukan semakan kompaun setiap bulan dan pemantauan terhadap premis-premis perniagaan terbabit. Bagaimanapun, koordinasi dan komunikasi di antara Jabatan Pelesenan dan Bahagian Penguatkuasaan perlu diwujudkan agar pengurusan lesen yang melibatkan kawasan MDCH yang luas dapat diuruskan dengan lebih cekap dan teratur.

c. Pengurangan Kadar Dan Pembatalan Kompaun

- Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Jalan, Parit Dan Bangunan dan Undang-Undang Kecil (Mengkompaun Kesalahan-Kesalahan) Kerajaan Tempatan tidak memperuntukkan sebarang kuasa kepada mana-mana pegawai Majlis termasuk Yang Dipertua untuk mengurang atau membatalkan mana-mana kompaun yang telah dikeluarkan.
- Pemeriksaan Audit secara sampel terhadap bayaran kompaun MDJ yang telah dijelaskan pada tahun 2012 mendapati kadar yang dikenakan berbeza dengan kadar yang termaktub dalam Undang-Undang Kecil berkaitan. Kadar kompaun yang dikenakan adalah setelah mendapat kelulusan pengurangan daripada pegawai Majlis. Pengurangan kadar adalah daripada RM50 hingga RM200 seperti di **Jadual 1.16**.

Jadual 1.16**Pengurangan Kadar Kompaun Kesalahan Premis Perniagaan
Majlis Daerah Jerantut Pada Tahun 2012**

Bil.	No. Resit Tawaran Kompaun	Jenis Kompaun	Kadar Kompaun Mengikut Undang-Undang (RM)	Kadar Yang Dikenakan (RM)	Perbezaan (RM)
1.	01343	Menjalankan Perniagaan Tanpa Lesen	250	50	200
2.	01710	Menjalankan Perniagaan Tanpa Lesen		150	100
3.	01801	Menjalankan Perniagaan Tanpa Lesen		200	50
4.	01175	Menjalankan Perniagaan Tanpa Lesen		100	150
5.	01196	Menjalankan Perniagaan Tanpa Lesen		200	50
6.	01424	Menjalankan Perniagaan Tanpa Lesen		50	200
7.	01178	Menjalankan Perniagaan Tanpa Lesen		50	200
8.	01179	Menjalankan Perniagaan Tanpa Lesen		50	200

Sumber: Majlis Daerah Jerantut

- iii. Selain itu, bagi tempoh 2010 hingga 2012 sebanyak 14 kompaun kesalahan premis telah dibatalkan. Pihak Audit juga mendapati tiada semakan dan cadangan pindaan terhadap undang-undang kecil tersebut sejak dikuatkuasakan. Pengurangan dan pembatalan kompaun oleh pegawai di MDJ dilakukan tanpa kuasa. **Maklum balas daripada MDJ bertarikh 26 Februari 2013, menjelaskan perkataan “tidak lebih” dalam undang-undang kecil menunjukkan tiada kadar yang tetap dan kadar boleh ditetapkan oleh Yang Dipertua, Setiausaha dan Pembantu Undang-Undang.**
- iv. Manakala semakan Audit terhadap rekod kompaun MDCH mendapati bagi tempoh 2010 hingga 2012, Majlis telah memberi pengurangan kompaun sejumlah RM12,660 dan pembatalan kompaun sejumlah RM1,350 seperti di **Jadual 1.17**.

Jadual 1.17**Pengurangan Dan Pembatalan Kompaun
Majlis Daerah Cameron Highlands
Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012**

Tahun	Pengurangan Kompaun (RM)	Pembatalan Kompaun (RM)
2010	3,600	100
2011	3,940	600
2012	5,120	650
Jumlah	12,660	1,350

Sumber: Majlis Daerah Cameron Highlands

- v. MDCH telah mengemukakan cadangan pindaan terhadap undang-undang kecil berkaitan peruntukan kuasa kepada mana-mana pegawai untuk mengurangkan atau membatalkan kompaun yang telah dikeluarkan pada awal bulan Jun 2012. Pihak Audit mendapati cadangan pindaan ini masih dalam tindakan pihak Penasihat Undang-Undang Negeri Pahang.

d. Kompaun Tidak Dikeluarkan

- i. Sebanyak 168 lesen premis perusahaan burung walit di kawasan bandar yang beroperasi sebelum Jun 2010 telah diluluskan oleh MDJ. Semakan Audit mendapati sebanyak 91 lesen burung walit pada tahun 2012 lewat diperbaharui. Tempoh kelewatan adalah dari 5 hingga 114 hari. Pihak Audit mendapati kompaun tidak dikeluarkan bagi kesalahan tersebut kerana Bahagian Penguatkuasaan tidak dibekalkan dengan maklumat premis perusahaan lesen burung walit yang telah tamat tempoh daripada Jabatan Pelesenan. Kesannya, MDJ dianggarkan kehilangan hasil kompaun sejumlah RM22,750 berdasarkan kadar kompaun premis perniagaan seperti di **Jadual 1.18. Maklum balas daripada MDJ bertarikh 4 Mac 2013, menjelaskan sehingga Disember 2012 sebanyak 26 kompaun telah dikeluarkan.**

Jadual 1.18
Anggaran Kehilangan Hasil Kompaun Premis Perusahaan
Burung Walit Majlis Daerah Jerantut Pada Tahun 2012

Bil.	Jenis Perniagaan	Asas Perkiraan	Jumlah (RM)
1.	Perusahaan Burung Walit (Kawasan Bandar)	91 x RM250	22,750
2.	Perusahaan Burung Walit (Kawasan Luar Bandar)	48 x RM250	12,000
Jumlah			34,750

Sumber: Jabatan Audit Negara

- ii. Pada 1 Jun 2011, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) telah mengeluarkan arahan tidak membenarkan sebarang premis burung walit baru dibina sebelum Garis Panduan Pembangunan Industri Burung Walit 1 GP disemak dan dibuat penambahbaikan untuk kesesuaian penggunaannya di Negeri Pahang. Berikutan daripada arahan tersebut, permohonan lesen burung walit baru tidak akan diluluskan. Lawatan Audit pada 10 Oktober 2012 mendapati 48 premis perusahaan burung walit telah didirikan di sekitar kawasan luar bandar iaitu di Jalan Tembeling, Jalan Benta, Jalan Sg. Lekok dan Jalan Feri. Kesannya, wujud peningkatan perniagaan beroperasi tanpa lesen di MDJ dan anggaran kehilangan hasil kompaun sejumlah RM12,000 seperti di **Jadual 1.18.**

Pada pendapat Audit pengurusan kompaun di MDJ adalah tidak memuaskan kerana rekod kompaun tidak diselenggarakan dengan sempurna, prosedur kompaun yang telah ditetapkan tidak dipatuhi, tindakan susulan tidak diambil oleh Bahagian

Penguatkuasaan terhadap kompaun yang belum selesai, pengurangan kadar dan pembatalan kompaun oleh pegawai di MDJ dilakukan tanpa kuasa serta kompaun tidak dikeluarkan. Manakala pengurusan kompaun di MDCH perlu dipertingkatkan kerana kesan kelewatan tindakan susulan terhadap kompaun yang gagal dikutip telah menyebabkan MDCH kehilangan hasil tahun semasa.

1.4.9.3. Rampasan

Selain daripada mengeluarkan kompaun, Majlis juga mengambil tindakan rampasan ke atas peniaga yang menjalankan perniagaan tanpa lesen. Tuntutan barang rampasan boleh dibuat dalam tempoh 30 hari dari tarikh rampasan dan pemilik dikehendaki menjelaskan kompaun berserta kos-kos yang berkaitan seperti kos pengangkutan, kos simpanan, kos kerja dan lain-lain kos. Semakan Audit terhadap rekod di MDJ mendapati pada tahun 2010 dan 2011 tiada kes rampasan dibuat. Pada tahun 2012 hanya 5 kes rampasan telah dilaksanakan. Manakala di MDCH terdapat 119 kes rampasan telah dilaksanakan.

1.4.9.4. Penyimpanan Barang Rampasan Dan Pelupusan

- a. MDJ mempunyai 3 buah stor bagi menempatkan barang-barang rampasan iaitu stor di Padang Saujana, stor bersebelahan Dewan MDJ dan stor di bilik kaunter. Mengikut prosedur penyitaan barang rampasan, pegawai yang dilantik akan melakukan pemeriksaan setiap 7 hari sekali untuk memastikan keselamatan barang-barang sitaan. Semakan Audit mendapati tiada pegawai yang dilantik melakukan pemeriksaan untuk memastikan keselamatan barang-barang rampasan berkeadaan asal dari tarikh dirampas.
 - i. Lawatan Audit ke stor barang-barang rampasan bersebelahan Dewan MDJ mendapati stor tersebut tidak berkunci dan barang-barang yang dirampas tidak dilabelkan. Manakala barang-barang rampasan seperti peralatan premis internet pula dilonggokkan di bilik kaunter lama dan berkeadaan sesak. Keadaan fizikal stor adalah seperti di **Gambar 1.20** hingga **Gambar 1.25**. **Maklum balas daripada MDJ bertarikh 26 Februari 2013, menjelaskan kapasiti stor sitaan tidak dapat menampung jumlah barang sitaan yang banyak dalam satu tempoh masa yang sama.**

Gambar 1.20
Stor Barang Rampasan Tidak Berkunci



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Majlis Daerah Jerantut
Tarikh: 9 Oktober 2012

Gambar 1.21



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Majlis Daerah Jerantut
Tarikh: 9 Oktober 2012

Gambar 1.22
Barang Rampasan Premis Perniagaan Tidak Dilabelkan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Majlis Daerah Jerantut
Tarikh: 9 Oktober 2012

Gambar 1.23



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dewan Majlis Daerah Jerantut
Tarikh: 9 Oktober 2012

Gambar 1.24
Stor Barang Rampasan Premis Perniagaan Internet



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kaunter Lama Majlis Daerah Jerantut
Tarikh: 9 Oktober 2012

Gambar 1.25



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Kaunter Lama Majlis Daerah Jerantut
Tarikh: 9 Oktober 2012

- ii. Prosedur menetapkan sekiranya tuntutan barang rampasan tidak dibuat oleh mana-mana pihak dalam tempoh 2 bulan, MDJ boleh melupuskan barangan

tersebut mengikut cara yang difikirkan sesuai. Lawatan Audit ke tapak rampasan di Padang Saujana mendapati tapak yang menempatkan 13 buah kenderaan yang dirampas pada tahun 2012 berkeadaan terbiar dan semak samun serta tiada tindakan pelupusan oleh Majlis seperti di **Gambar 1.26** dan **Gambar 1.27**. **Maklum balas daripada MDJ bertarikh 26 Februari 2013, menjelaskan berikutan dengan teguran Audit, Mesyuarat Penuh Majlis Bilangan 11/2012 pada 30 Disember 2012 memutuskan untuk melupuskan barang-barang tersebut.**

Gambar 1.26

Tapak Simpanan Rampasan Kenderaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Padang Saujana, Jerantut
Tarikh: 9 Oktober 2012

Gambar 1.27



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Padang Saujana, Jerantut
Tarikh: 9 Oktober 2012

- b. Lawatan Audit pada 17 Oktober 2012 ke stor barang-barang rampasan MDCH mendapati semua barang rampasan telah dilabelkan. Antara barang-barang yang disita adalah perkakasan perniagaan seperti meja, payung, khemah, alat timbang, dapur, *banner* dan papan iklan. Pemeriksaan secara berkala terhadap barang-barang rampasan ada dilaksanakan oleh pegawai di Bahagian Penguatkuasaan. Selain itu, penyelenggaraan stor rampasan adalah memuaskan seperti di **Gambar 1.28** dan **Gambar 1.29**.

Gambar 1.28

Stor Barang Rampasan Premis Perniagaan



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanah Rata, Cameron Highlands
Tarikh: 17 Oktober 2012

Gambar 1.29



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Tanah Rata, Cameron Highlands
Tarikh: 17 Oktober 2012

Pada pendapat Audit pengurusan stor barang-barang rampasan MDJ adalah tidak memuaskan kerana tiada pegawai yang dilantik melakukan pemeriksaan untuk memastikan keselamatan barang-barang rampasan. Stor barang-barang rampasan didapati tidak berkunci, barang-barang rampasan tidak dilabelkan, dilonggokkan di bilik kaunter lama dan berkeadaan sesak. Tapak yang menempatkan kenderaan yang dirampas berkeadaan terbiar dan semak samun serta tiada tindakan pelupusan. Manakala pengurusan stor barang rampasan di MDCH adalah memuaskan.

1.4.10. Kaedah Pemantauan

Pemantauan yang rapi perlu diwujudkan bagi memastikan pengurusan pelesenan mampu mencapai matlamat yang ditetapkan. Kaedah pemantauan yang digunakan oleh Majlis adalah seperti berikut.

1.4.10.1. Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan

- a. Pekeliling KPKT Bilangan 2 Tahun 2008 menetapkan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan di PBT hendaklah diadakan sekurang-kurangnya 2 kali sebulan. Manakala Pekeliling KPKT Bilangan 6 Tahun 2011 juga menetapkan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan bagi memperakui permohonan lesen hendaklah diadakan dalam tempoh 14 hari selepas lesen dikeluarkan.
- b. Semakan Audit mendapati Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan MDJ tidak diadakan mengikut ketetapan pekeling. Jawatankuasa ini hanya bermesyuarat sebanyak 2 dan 4 kali pada tahun 2010 dan 2012 masing-masing. Manakala pada tahun 2011, tiada mesyuarat diadakan. Ketidakpatuhan terhadap ketetapan pekeling telah menjejaskan fungsi dan tanggungjawab jawatankuasa ini dalam memastikan pengurusan pelesenan perniagaan mengikut prosedur yang ditetapkan. Selain itu, isu-isu berkaitan yang memerlukan perhatian khusus lewat diselesaikan.
- c. Manakala semakan Audit di MDCH mendapati Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan juga tidak diadakan mengikut ketetapan pekeling. Jawatankuasa ini hanya bermesyuarat sebanyak 3 dan 7 kali pada tahun 2010 dan 2011 masing-masing. Bagaimanapun, sehingga November 2012, mesyuarat telah diadakan lebih kerap dari tahun sebelumnya iaitu sebanyak 15 kali. Mesyuarat telah membincangkan isu, status dan laporan terkini kedudukan lesen. **Maklum balas daripada MDCH bertarikh 8 Februari 2013, menjelaskan pada tahun 2010 dan 2011 jawatan Ahli Majlis yang merupakan Ahli Mesyuarat tidak diisi menyebabkan Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan tidak dapat diadakan mengikut ketetapan.**

1.4.10.2. Aduan Awam

- a. Piagam Pelanggan Majlis menetapkan setiap aduan akan diambil tindakan dalam tempoh tidak melebihi 14 hari. Aduan boleh disalurkan melalui surat, borang aduan, telefon dan di laman *Facebook*.
- b. Pada tahun 2011 hingga 2012, Bahagian Penguatkuasaan MDJ telah menjalankan siasatan dan mengambil tindakan terhadap 40 kes aduan awam mengenai kesalahan undang-undang. Siasatan melibatkan kes aduan perniagaan tanpa lesen, menjalankan perniagaan yang menghalang atau kacau ganggu, menjalankan perniagaan yang salah di sisi undang-undang dan lain-lain masalah. Semakan Audit terhadap Daftar Aduan Awam mendapati daftar yang diselenggarakan tidak kemaskini. Hanya 26 kes aduan telah diambil tindakan dalam tempoh yang ditetapkan. Manakala kedudukan tempoh tindakan diambil bagi 14 kes aduan lagi tidak dapat ditentukan kerana maklumat di daftar berkaitan tarikh tindakan tidak dinyatakan.
- c. Pada tahun 2010 hingga 2012, Bahagian Penguatkuasaan MDCH telah menerima 199 kes aduan. Bagaimanapun, Daftar Aduan Awam yang diselenggarakan adalah tidak lengkap kerana maklumat tarikh tindakan yang telah diambil oleh MDCH terhadap setiap aduan yang diterima tidak dinyatakan. Daftar yang tidak kemaskini telah menyebabkan kepatuhan terhadap piagam yang telah ditetapkan tidak dapat ditentukan.

Pada pendapat Audit kaedah pemantauan di MDJ dan MDCH perlu dipertingkatkan. Mesyuarat Jawatankuasa Pelesenan perlu diadakan mengikut ketetapan supaya aktiviti pelesenan mampu diurus dengan lebih berkesan. Manakala tindakan terhadap aduan awam perlu direkod dengan sempurna kerana kecekapan Majlis akan dinilai oleh awam berdasarkan tempoh masa tindakan diambil.

1.5. SYOR AUDIT

Terdapat beberapa perkara dalam pengurusan lesen premis perniagaan yang perlu dipertingkatkan khususnya dalam menguatkuasakan undang-undang kecil dan memudahkan sistem penyampaian perkhidmatan kepada orang awam. Adalah disyorkan supaya MDJ dan MDCH mengambil tindakan seperti berikut:

1.5.1. Mematuhi dan mengguna pakai sepenuhnya garis panduan dan piagam pelanggan berkaitan pengeluaran lesen perniagaan. Selain itu, syarat kelulusan lesen sementara perlu disemak semula bagi memastikan semua perniagaan mematuhi syarat lulus lesen.

1.5.2. Mengkaji semula Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian berkaitan kadar lesen bagi menyesuaikan dengan keadaan semasa dan menggubal Undang-Undang Kecil Kesalahan untuk mengurang atau membatalkan kompaun.

1.5.3. Melaksanakan pemantauan dan penguatkuasaan secara bersepadu dan efektif antara Jabatan Pelesenan, Bahagian Penguatkuasaan dan Bahagian Teknologi Maklumat bagi memastikan syarat-syarat lesen dipatuhi. Majlis juga perlu sentiasa tegas mengambil tindakan undang-undang terhadap peniaga yang melakukan kesalahan agar lebih bertanggungjawab mematuhi peraturan yang ditetapkan.

1.5.4. Mengambil tindakan susulan secara proaktif terhadap tawaran kompaun yang dikeluarkan supaya dapat mengurangkan jumlah kompaun yang belum selesai dan membantu meningkatkan hasil Majlis.

1.5.5. Majlis Daerah Jerantut perlu menyenggara dengan menyusun, melabel dan menanda barang rampasan yang ditempatkan di stor. Pelupusan barang rampasan hendaklah dibuat dari semasa ke semasa mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

2. TAHFIZ PAHANG SDN. BHD.

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Tahfiz Pahang Sdn. Bhd. (Syarikat) ditubuhkan pada 15 Januari 2007 adalah sebuah syarikat milik penuh Yayasan Pahang dengan modal dibenarkan berjumlah RM25 juta dan modal berbayar setakat ini berjumlah RM11.30 juta. Objektif utama penubuhan Syarikat adalah bagi melahirkan golongan hafiz yang profesional dan berupaya menerajui kepentingan agama, bangsa dan negara pada masa hadapan. Manakala visi Syarikat adalah menjadi institusi terkemuka di Malaysia yang dikenali kerana melahirkan modal insan yang cemerlang, sepadu dan seimbang dari segi ilmu wahyu dan alamiah serta rohani dan jasmani.

2.1.2. Aktiviti utama Syarikat adalah menguruskan Maahad Tahfiz Negeri Pahang yang menawarkan Program Pengajian Tahfiz Profesional kepada pelajar tingkatan 1 hingga 5 dan Diploma Tahfiz Al-Quran kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia.

2.1.3. Syarikat diterajui oleh 10 orang Ahli Lembaga Pengarah yang dipengerusikan oleh YAB Menteri Besar Pahang. Manakala pengurusan Syarikat pula diketuai oleh Pengarah Maahad Tahfiz Negeri Pahang dan dibantu oleh Ketua Penolong Pengarah Akademik Dan Pentadbiran serta 53 orang kakitangan dalam pelbagai peringkat jawatan.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat dilaksanakan selaras dengan objektif penubuhannya.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus korporat syarikat bagi tempoh 2010 hingga 2012. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus korporat syarikat. Analisis prestasi kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tempoh 3 tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 hingga 2011. Perbincangan, temu bual juga diadakan dengan pegawai syarikat dan pelajar. Selain itu, pemeriksaan fizikal turut dibuat terhadap aset dan kemudahan yang disediakan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober hingga Disember 2012 mendapati secara keseluruhannya pengurusan Syarikat adalah memuaskan. Prestasi Kewangan menunjukkan keuntungan sebelum cukai Syarikat adalah semakin menurun bagi tahun kewangan 2009, 2010 dan 2011 menjadikan keuntungan terkumpul syarikat pada 31 Disember 2011 berjumlah RM2.10 juta. Manakala pengurusan aktiviti dan tadbir urus Syarikat adalah memuaskan. Bagaimanapun, masih terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat Syarikat yang memerlukan tindakan penambahbaikan seperti yang dijelaskan dalam perenggan-perenggan di bawah. Secara ringkasnya antara kelemahan yang ditemui adalah seperti berikut:

- Prestasi pelajar bagi program Tahfiz Profesional tidak mencapai *Key Performance Indicator* (KPI) yang ditetapkan.
- Audit dalaman oleh Agensi Induk tidak pernah dijalankan di Syarikat.
- Kelemahan kawalan dalaman terutama berkaitan kawalan perbelanjaan.

2.4.1. Prestasi Kewangan

2.4.1.1. Analisis Trend

- a. Jumlah pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan sebelum cukai Syarikat bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 2.1**.

Jadual 2.1
Jumlah Pendapatan, Perbelanjaan dan Keuntungan Sebelum Cukai Syarikat
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun Kewangan		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Pendapatan	4.24	4.68	5.81
Tolak: Perbelanjaan	3.99	4.51	5.75
Keuntungan Sebelum Cukai	0.25	0.17	0.06

Sumber: Penyata Kewangan Tahfiz Pahang Sdn. Bhd.

- b. Analisis Audit mendapati trend pendapatan dan perbelanjaan Syarikat bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah menunjukkan trend yang menaik, manakala trend keuntungan sebelum cukai pula menunjukkan trend yang menurun. Keuntungan sebelum cukai Syarikat pada tahun 2009 adalah sejumlah RM0.25 juta menurun kepada RM0.17 juta pada tahun 2010 seterusnya menurun kepada RM0.06 juta pada tahun 2011. Analisis Audit seterusnya mendapati Syarikat telah mencatatkan penurunan keuntungan sebelum cukai sejumlah RM0.08 juta atau 32% pada tahun 2010 dan sejumlah RM0.11 juta atau 64.7% pada tahun 2011. Penurunan ini adalah disebabkan peningkatan jumlah perbelanjaan iaitu sejumlah RM0.52 juta

pada tahun 2010 dan RM1.24 juta pada tahun 2011 adalah lebih tinggi berbanding peningkatan dalam jumlah pendapatan iaitu sejumlah RM0.44 juta pada tahun 2010 dan RM1.13 juta pada tahun 2011. Keadaan ini menjadikan nisbah peningkatan jumlah pendapatan berbanding peningkatan jumlah perbelanjaan pada tahun 2010 dan 2011 adalah 0.8:1 dan 0.9:1 masing-masing.

- c. Pendapatan utama Syarikat adalah sumbangan dalam bentuk geran daripada agensi induk iaitu Yayasan Pahang dan yuran pendaftaran daripada pelajar baru. Selain itu, Syarikat juga ada menerima sumbangan wang zakat daripada Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang serta pendapatan dividen. Analisis Audit mendapati pendapatan Syarikat bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah meningkat daripada RM4.24 juta pada tahun 2009 kepada RM4.68 juta pada tahun 2010 dan seterusnya meningkat kepada RM5.81 juta pada tahun 2011. Analisis Audit selanjutnya mendapati lebih 85% pendapatan syarikat adalah daripada geran Yayasan Pahang. Selain itu, pada tahun 2011 Syarikat juga memperoleh pendapatan dalam bentuk dividen sejumlah RM320,000 hasil daripada pegangan pelaburannya yang berjumlah RM80,000 (8%) dalam syarikat Tindakan Mewah Sdn. Bhd..
- d. Analisis Audit terhadap jumlah perbelanjaan Syarikat pula mendapati jumlah perbelanjaan syarikat meningkat daripada RM3.99 juta pada tahun 2009 kepada RM4.51 juta pada tahun 2010 dan seterusnya meningkat kepada RM5.75 juta pada tahun 2011. Peningkatan sejumlah RM0.52 juta atau 13% pada tahun 2010 dan RM1.24 juta atau 27.5% pada tahun 2011 adalah disebabkan peningkatan yang ketara kos pekerja iaitu sejumlah RM0.32 juta atau 21.9% dan RM0.31 juta atau 17.4% masing-masing pada tahun 2010 dan 2011 berbanding perbelanjaan lain. Tanggungan utama syarikat ialah kos pekerja iaitu bagi bayaran gaji dan elaun pekerja. Selain itu, peningkatan jumlah perbelanjaan syarikat juga dipengaruhi oleh peningkatan dalam perbelanjaan susut nilai aset tetap syarikat kesan daripada peningkatan perolehan aset tetap seperti perabot, peralatan dan kelengkapan. Peningkatan perolehan aset tetap dan perbelanjaan susut nilai bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 2.2** dan **Jadual 2.3**.

Jadual 2.2

Perolehan Aset Tetap Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun kewangan		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Baki awal aset tetap (Kos)	12.07	12.15	12.3
Perolehan aset tetap pada tahun semasa	0.08	0.15	1.75
Baki Akhir Aset Tetap (Kos)	12.15	12.3	14.05

Sumber: Penyata Kewangan Tahfiz Pahang Sdn. Bhd.

Jadual 2.3**Perbelanjaan Peruntukan Susut Nilai Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011**

Butiran	Tahun Kewangan		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Baki awal peruntukan susut nilai	0.06	0.8	1.55
Perbelanjaan susut nilai pada tahun semasa	0.74	0.75	0.88
Baki Akhir Peruntukan Susut Nilai	0.80	1.55	2.43
Perbelanjaan Susut Nilai Berbanding Jumlah Perbelanjaan (%)	18.5	16.6	15.3


Sumber: Penyata Kewangan Tahfiz Pahang Sdn. Bhd.

- e. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta keuntungan Syarikat bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 2.4**, **Carta 2.1** dan **Carta 2.2**.


Jadual 2.4**Kedudukan Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011**

Butiran	Tahun Kewangan		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Pendapatan	1.78	1.95	2.53
Perbelanjaan Operasi	1.73	2.17	2.70
Keuntungan/Kerugian Kasar	0.05	-0.22	-0.17
Pendapatan Lain	2.46	2.73	3.28
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	2.26	2.34	3.05
Keuntungan Sebelum Cukai	0.25	0.17	0.06
Cukai	-	-	0.14
Keuntungan/Kerugian Selepas Cukai	0.25	0.17	-0.08
Keuntungan Berkumpul	2.01	2.18	2.10

Sumber: Penyata Kewangan Tahfiz Pahang Sdn. Bhd.

Carta 2.1**Trend Keuntungan Sebelum Cukai Dan Keuntungan Berkumpul Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011**

Sumber: Penyata Kewangan Tahfiz Pahang Sdn. Bhd.

Carta 2.2**Trend Pendapatan Dan Perbelanjaan Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011**

Sumber: Penyata Kewangan Tahfiz Pahang Sdn. Bhd.

Pada pendapat Audit, prestasi kewangan Syarikat adalah kurang memuaskan. Keuntungan sebelum cukai Syarikat adalah semakin menurun bagi tahun kewangan 2009, 2010 dan 2011. Selain itu, pada tahun 2011 Syarikat mengalami kerugian selepas cukai berjumlah RM0.08 juta menjadikan keuntungan terkumpul pada 31 Disember 2011 berjumlah RM2.10 juta.

2.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama Syarikat adalah menguruskan Maahad Tahfiz Negeri Pahang (MTNP). Bersesuaian dengan nama dan objektif syarikat iaitu melahirkan golongan hafiz yang profesional serta berupaya menerajui kepentingan agama, bangsa dan negara pada masa hadapan, MTNP menawarkan program pengajian yang berasaskan tahfiz Al-Quran. Pengauditan yang dijalankan terhadap aktiviti utama syarikat mendapati perkara seperti berikut:

2.4.2.1. Program Pengajian Yang Ditawarkan Serta Syarat Kemasukan

a. Program Tahfiz Profesional

- i. Program pengajian ini ditawarkan kepada pelajar lepasan Ujian Penilaian Sekolah Rendah (UPSR). Pelajar akan didedahkan dengan kemahiran menghafaz Al-Quran 30 juzuk selain didedahkan dengan pengajian akademik Kurikulum Baru Sekolah Menengah sebagaimana sekolah harian biasa. Selain itu pelajar juga akan didedahkan dengan pengajian Bahasa Arab dan Bahasa Inggeris serta turut terlibat dengan peperiksaan Kementerian Pelajaran Malaysia seperti Penilaian Menengah Rendah (PMR) dan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Syarat kemasukan bagi program ini adalah:

- Anak jati Negeri Pahang
- Berumur tidak lebih daripada 13 tahun
- Memperoleh sekurang-kurangnya 4A1B dalam peperiksaan UPSR
- Boleh membaca Al-Quran dengan baik
- Lulus dalam temuduga dan ujian simulasi yang diadakan.

b. Program Diploma Tahfiz Al-Quran

- i. Program pengajian ini ditawarkan kepada pelajar lepasan SPM. Program ini dijalankan secara usaha sama dengan Darul Quran JAKIM. Para pelajar akan mengikuti pengajian selama 6 semester (3 tahun). Diploma akan dikeluarkan oleh JAKIM dan telah mendapat pengiktirafan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam. Pelajar lepasan Diploma Tahfiz Al-Quran ini boleh melanjutkan pengajian

di peringkat ijazah di universiti dalam dan luar negara. Syarat kemasukan bagi program ini adalah:

- Anak jati Negeri Pahang
- Berumur di antara 17 hingga 21 tahun
- Belum berkahwin dan bersedia untuk tidak berkahwin sepanjang tempoh pengajian
- Lulus peperiksaan SPM dengan kepujian dalam mata pelajaran Bahasa Malaysia, Bahasa Arab Komunikasi dan Bahasa Arab Tinggi; kepujian dalam mata pelajaran Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah atau mata pelajaran Syariah Islamiah atau mata pelajaran Pendidikan Islam; dan lulus mata pelajaran Bahasa Inggeris
- Boleh membaca Al-Quran dengan baik
- Lulus dalam temuduga dan ujian simulasi yang diadakan.

2.4.2.2. Bilangan Pelajar

- a. Sehingga akhir bulan September 2012, bilangan pelajar yang sedang mengikuti pengajian di MTNP adalah seramai 247 orang. Daripada jumlah tersebut seramai 194 pelajar adalah bagi Program Tahfiz Profesional dan 53 orang bagi Program Diploma Tahfiz Al-Quran. Pecahan bilangan pelajar mengikut Program Pengajian adalah seperti di **Jadual 2.5**.

Jadual 2.5
Pecahan Bilangan Pelajar Yang Sedang Mengikuti Pengajian Di MTNP Pada September 2012

Tingkatan/ Semester	Tahfiz Profesional			Diploma Tahfiz Al Quran		
	Lelaki	Perempuan	Jumlah	Lelaki	Perempuan	Jumlah
Tingkatan 1	31	21	52	-	-	-
Tingkatan 2	27	24	51	-	-	-
Tingkatan 3	19	12	31	-	-	-
Tingkatan 4	25	9	34	-	-	-
Tingkatan 5	15	11	26	-	-	-
Semester 1	-	-	-	11	11	22
Semester 3	-	-	-	7	12	19
Semester 5	-	-	-	5	7	12
Jumlah	117	77	194	23	30	53

Sumber: Maahad Tahfiz Negeri Pahang

- b. Proses pengambilan pelajar bagi kedua-dua program di atas adalah melalui beberapa peringkat saringan iaitu proses temuduga, hafazan Al-Quran dan ujian simulasi. Hanya pelajar yang lulus kesemua ujian tersebut sahaja yang diterima masuk. Bagi tempoh 2010 hingga 2012 bilangan pelajar ditawarkan bagi Program Tahfiz Profesional berbanding bilangan pelajar yang memohon hanyalah antara 6.4% hingga 10% sahaja kerana sebahagian besar gagal dalam temuduga dan ujian yang

diadakan oleh MTNP seperti di **Jadual 2.6**. Manakala Program Diploma Tahfiz pula adalah antara 26% hingga 45% sahaja seperti di **Jadual 2.7**.

Jadual 2.6
Bilangan Pelajar Yang Memohon, Menghadiri Temuduga, Menjalani Ujian Simulasi Dan Yang Ditawarkan Untuk Program Tahfiz Profesional Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012

Tahun	Bilangan Pelajar				
	Memohon	Temuduga	Ujian Simulasi	Ditawarkan	
				(Bil.)	(%)
2010	485	332	77	31	6.4
2011	519	476	116	52	10
2012	576	521	112	53	9.2

Sumber: Maahad Tahfiz Negeri Pahang

Jadual 2.7
Bilangan Pelajar Yang Memohon, Menghadiri Temuduga, Menjalani Ujian Simulasi Dan Yang Ditawarkan Untuk Program Diploma Tahfiz Al-Quran Bagi Tempoh 2010 Hingga 2012

Tahun	Bilangan Pelajar				
	Memohon	Temuduga	Ujian Simulasi	Ditawarkan	
				(Bil.)	(%)
2010	40	40	38	18	45
2011	76	69	39	25	32.9
2012	92	84	51	24	26

Sumber: Maahad Tahfiz Negeri Pahang

- c. Analisis Audit mendapati, permintaan bagi program ini adalah tinggi dikalangan masyarakat. Namun disebabkan kekangan dari segi tempat, kos dan kemudahan maka program ini hanya dihadkan kepada lebih kurang 50 orang pelajar sahaja bagi setiap pengambilan Program Tahfiz Profesional dan 25 orang pelajar bagi program Diploma Tahfiz Al-Quran.

2.4.2.3. Yuran Pengajian Yang Dikenakan

Pelajar yang mengikuti program di MTNP hanya dikenakan yuran kemasukan sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian meliputi yuran pengajian, yuran asrama dan yuran kokurikulum. Kadar yuran yang dikenakan bagi program Tahfiz Profesional adalah RM1,048 bagi pelajar lelaki dan RM1,033 bagi pelajar perempuan. Manakala, kadar yuran yang dikenakan bagi program Diploma Tahfiz Al-Quran pula adalah berjumlah RM1,120 bagi pelajar lelaki dan RM1,055 bagi pelajar perempuan. Analisis Audit mendapati kadar yuran yang dikenakan ini hanya memadai bagi satu tahun persekolahan atau pengajian sahaja. Manakala, bagi tahun-tahun berikutnya semua kos adalah ditanggung oleh MTNP kecuali bagi pelajar yang bukan merupakan anak jati Negeri Pahang. **Maklum balas yang diterima daripada Syarikat bertarikh 5 Mac 2013, menjelaskan yuran hanya dikenakan sekali sahaja sepanjang tempoh pengajian di MTNP. Yuran ini meliputi yuran pengajian, yuran asrama, yuran buku, yuran makan dan yuran kokurikulum. Selaras dengan itu, bagi menampung perbelanjaan yang semakin meningkat MTNP telah mengenakan yuran tahunan kepada pelajar sejumlah RM500 mulai tahun 2013.**

Perkara ini telah dibentangkan dalam bajet 2013 di Mesyuarat Lembaga Pengarah pada 13 Disember 2012.

2.4.2.4. Prestasi Pelajar MTNP

a. Program Tahfiz Profesional

- i. Visi penubuhan MTNP adalah bagi melahirkan modal insan yang cemerlang dan sepadu antara ilmu wahyu dan alamiah, emosi dan jasmani sebagai pemimpin masa hadapan. Bagi memastikan visi MTNP ini tercapai, prestasi pencapaian pelajar dalam kedua-dua bidang perlulah seiring dan cemerlang. Semakan Audit terhadap prestasi pencapaian pelajar MTNP bagi program Tahfiz Profesional dalam bidang akademik (Peperiksaan SPM) skor A bagi tahun 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 2.8**.

Jadual 2.8

Prestasi Pencapaian Pelajar Bagi Peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia Skor A (11A/10A) Bagi Tahun 2009 Hingga 2011

Tahun	Bil. Pelajar	Key Performance Indicator (KPI)		Sasaran Pencapaian		Pencapaian Sebenar	
		(%)	Bil. Pelajar	(%)	Bil. Pelajar	(%)	Bil. Pelajar
2009	32	50	16	50	16	41	13
2010	18	50	9	50	9	33	6
2011	26	75	20	50	13	12	3

Sumber: Maahad Tahfiz Negeri Pahang

- ii. Analisis Audit mendapati KPI yang ditetapkan bagi pencapaian pelajar skor A bagi peperiksaan SPM pada tahun 2009 dan 2010 adalah 50% dan pada tahun 2011 adalah 75%. Manakala sasaran MTNP pula adalah 50% pelajar pada setiap tahun. Bagaimanapun pencapaian sebenar pelajar adalah tidak mencapai KPI dan sasaran yang ditetapkan. Pencapaian sebenar pelajar bagi tahun 2009 hingga 2011 hanyalah 41%, 33% dan 12% masing-masing. Analisis Audit juga mendapati prestasi pencapaian tahunan pelajar adalah semakin merosot daripada setahun ke setahun.
- iii. KPI yang ditetapkan bagi hafazan Al-Quran program Tahfiz Profesional pelajar tingkatan 5 adalah 50% pelajar hafaz 30 juzuk Al-Quran dan 100% pelajar hafaz 15 juzuk Al-Quran. Manakala KPI yang ditetapkan bagi pelajar tingkatan 3 pula adalah 50% pelajar hafaz 18 juzuk Al-Quran dan 100% pelajar hafaz 9 juzuk Al-Quran. Sasaran hafazan Al-Quran yang ditetapkan oleh MTNP pula adalah 6 juzuk bagi setiap tahun persekolahan. Semakan Audit terhadap prestasi hafazan Al-Quran program Tahfiz Profesional MTNP bagi tahun 2010 hingga 2012 bagi pelajar tingkatan 5 adalah seperti di **Jadual 2.9**.

Jadual 2.9
Prestasi Pencapaian Hafazan Al-Quran Program Tahfiz Profesional
Bagi Tahun 2010 Hingga 2012

Tahun	Bilangan Pelajar	Peratus Pencapaian					
		Juzuk 4-5 (%)	Juzuk 7-12 (%)	Juzuk 13-18 (%)	Juzuk 19-24 (%)	Juzuk 25-29 (%)	Khatam Juzuk 30 (%)
2010	18	83.4	-	-	-	-	16.6
2011	26	-	3.8	15.4	30.8	11.5	38.5
2012	26	-	-	3.8	23	11.6	61.6

Sumber: Maahad Tahfiz Negeri Pahang

iv. Analisis Audit mendapati pada tahun 2010 dan 2011 peratus bilangan pelajar yang berjaya menghafal 30 Juzuk Al-Quran adalah tidak mencapai KPI yang ditetapkan iaitu 50% pelajar. Hanya pada tahun 2012, KPI bagi hafazan Al-Quran program Tahfiz Profesional dapat dicapai.

v. **Maklum balas yang diterima daripada Syarikat bertarikh 5 Mac 2013, menjelaskan pada tahun 2009 hingga 2012 pelajar tingkatan 4 dan 5 belajar dan mengambil peperiksaan di Sek. Men. Abdul Rahman Talib dan Sekolah Menengah Agama Al Ihsan bukannya di MTNP. Oleh yang demikian jadual dan aktiviti pelajar berada di luar kawalan MTNP. Keputusan peperiksaan SPM bukanlah gambaran sebenar tentang keupayaan pasukan MTNP. Mulai tahun 2012 barulah MTNP mengambil dan menawarkan kelas tingkatan 4 dan tahun 2013 merupakan kali pertama MTNP mengendalikan peperiksaan SPM. Prestasi bagi hafazan Al-Quran bagi program Tahfiz Profesional yang tidak mencapai sasaran pada tahun 2010 adalah kerana pelajar tersebut mula belajar di MTNP mulai tingkatan 4. Prestasi 16.6% pelajar yang khatam Al Quran tersebut adalah merupakan pelajar yang telah pun menamatkan hafazan di sekolah asal mereka. Sasaran sebenar pelajar pada tahun 2010 adalah 5 juzuk sahaja. Pelajar tahun 2011 yang tidak mencapai KPI 50% khatam 30 juzuk adalah kerana berlakunya perubahan dalam kurikulum hafazan yang tidak dikuasai sepenuhnya lagi.**

b. Program Diploma Tahfiz Al-Quran

Analisis Audit terhadap prestasi pelajar bagi program Diploma Tahfiz Al-Quran bagi sesi pengajian berakhir 2010, 2011 dan 2012 pula mendapati prestasi pelajar adalah meningkat. Peratusan pelajar yang mencapai peringkat imtiyaz adalah meningkat daripada 26.7% pada tahun 2010 kepada 71.4% pada tahun 2011 dan 57.2% dan 66.7% masing-masing pada tahun 2012 seperti di **Jadual 2.10**.

Jadual 2.10
Prestasi Pencapaian Diploma Tahfiz Al Quran
Bagi Sesi Pengajian Berakhir 2010, 2011 Dan 2012

Sesi Pengajian Berakhir	Bilangan Pelajar	Pencapaian					
		Jayyid (PNGK 2.51 - 3.24)		Jayyid Jiddan (PNGK 3.25 - 3.69)		Imtiaz (PNGK 3.70 dan ke atas)	
		Bil. Pelajar	(%)	Bil. Pelajar	(%)	Bil. Pelajar	(%)
2010	15	5	33.3	6	40	4	26.7
2011	7	-	-	2	28.6	5	71.4
2012: Syariah	7	-	-	3	42.8	4	57.2
Qiraat	6	-	-	2	33.3	4	66.7

Sumber: Maahad Tahfiz Negeri Pahang

c. Pelajar Lulusan Maahad Tahfiz Negeri Pahang

Merujuk kepada Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat Bil. 1/2012 bertarikh 22 Mac 2012, sejak penubuhan Syarikat sehingga 31 Disember 2011 seramai 297 orang pelajar telah menamatkan pengajian di MTNP. Maklumat semasa pelajar berkaitan adalah seramai 201 orang sedang melanjutkan pengajian di institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara dalam pelbagai bidang seperti perubatan, kejuruteraan, ekonomi, perguruan dan Pengajian Islam/Bahasa Arab. Manakala, 69 orang telah bekerja sebagai guru dan pensyarah, 20 orang sebagai pegawai tadbir, seorang imam dan seorang lagi telah meninggal dunia. Pihak Audit mendapati lulusan MTNP telah berjaya melanjutkan pengajian di peringkat yang lebih tinggi serta bekerja dalam pelbagai bidang pekerjaan. Ini merupakan satu pencapaian yang baik dari segi impak.

2.4.2.5 Tenaga Pengajar


- a. Tenaga pengajar yang berkelayakan dan berpengalaman merupakan modal insan terpenting dalam melahirkan pelajar cemerlang seterusnya meningkatkan imej sebuah institusi pendidikan. Selain itu, nisbah pensyarah dengan pelajar juga perlu bersesuaian bagi menjamin kualiti pengajian yang ditawarkan dan hendaklah setara dengan kehendak Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi. Semakan Audit mendapati pada September 2012, kakitangan akademik MTNP adalah seramai 28 orang terdiri daripada 4 orang ketua unit, 8 orang pensyarah, 15 orang guru dan seorang guru Bahasa Arab. Dikalangan pensyarah dan guru tersebut ada yang menjadi guru *tasmi'* (guru Al-Quran) selain mengajar subjek akademik yang lain. Selain itu MTNP juga ada mengambil guru *tasmi'* sambilan seramai 9 orang selain guru yang sedia ada bagi kelas hafazan Al-Quran.
- b. Analisis Audit mendapati pensyarah dan guru yang menjadi tenaga pengajar MTNP mempunyai kelayakan akademik dan pengalaman yang mencukupi dan bersesuaian. Analisis Audit seterusnya mendapati nisbah antara guru dan pelajar adalah 1:11 bagi kelas *Tasmi'*, 1:12 bagi pengajian Tahfiz Profesional dan 1:8 bagi pengajian Diploma

Tahfiz. Analisis ini menunjukkan pelajar MTNP boleh belajar dalam keadaan yang selesa dan penuh tumpuan.

2.4.2.6 Kemudahan Dan Infrastruktur

Sebagai sebuah institusi pendidikan, persekitaran tempat belajar yang selesa serta peralatan pengajaran dan pembelajaran yang kondusif, terkini dan mencukupi perlulah disediakan bagi menjamin kecemerlangan pelajar. Semakan Audit mendapati kemudahan dan keselesaan pelajar amat dititikberatkan di MTNP. Segala kemudahan seperti asrama penginapan, dewan makan, perpustakaan, makmal komputer, bilik perubatan, kemudahan sukan dan internet ada disediakan secara percuma kepada pelajar seperti di **Gambar 2.1** hingga **Gambar 2.4**.

Gambar 2.1
Asrama Penginapan MTNP



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Maahad Tahfiz Negeri Pahang
Tarikh: 9 Oktober 2012

Gambar 2.2
Bilik Makmal Sains MTNP



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Maahad Tahfiz Negeri Pahang
Tarikh: 9 Oktober 2012

Gambar 2.3
Dewan Makan Yang Kemas Dan Selesa



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Maahad Tahfiz Negeri Pahang
Tarikh: 9 Oktober 2012

Gambar 2.4
Bilik Tasmi' (Hafazan Al Quran)



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Maahad Tahfiz Negeri Pahang
Tarikh: 9 Oktober 2012

2.4.2.7. Aktiviti Kokurikulum

Aktiviti kokurikulum adalah penting bagi menjana kecerdasan minda dan fizikal serta kreativiti pelajar. Sebagai sebuah institusi pendidikan yang berteraskan Al-Quran untuk melahirkan pemimpin masa hadapan yang seimbang emosi dan jasmani, pelajar MTNP telah didedahkan dengan pelbagai aktiviti kokurikulum seperti unit beruniform, kelab/persatuan dan sukan/permainan. Selain aktiviti kokurikulum biasa yang sering diadakan di sekolah-sekolah terdapat juga aktiviti yang jarang diadakan tetapi diberi perhatian di sini iaitu seperti sukan equestrian, memanah, seni khat, tarannum/hafazan, nasyid, fotografi dan usahawan muda. Pelajar MTNP sentiasa mengambil bahagian dalam apa jua pertandingan yang melibatkan akademik dan kokurikulum dan sering menjadi juara atau mendapat tempat bagi setiap pertandingan yang diadakan antaranya seperti kejohanan memanah MSSD Kuantan 2012, Pertandingan hafazan Al-Quran Peringkat Negeri Pahang, *Johor Horse Show April 2012* dan *National Robotic Competition Julai 2011* seperti di **Gambar 2.5** dan **Gambar 2.6**.

Gambar 2.5
Sukan Equestrian



Sumber: Maahad Tahfiz Negeri Pahang

Gambar 2.6
Sukan Memanah



Sumber: Maahad Tahfiz Negeri Pahang

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti Syarikat telah dilaksanakan dengan baik. Program pengajian yang ditawarkan adalah program yang mendapat sambutan yang tinggi di kalangan masyarakat bagi melahirkan modal insan cemerlang masa hadapan. Segala kemudahan pembelajaran dan kemudahan lain telah disediakan dengan lengkap dan sempurna. Prestasi pelajar program Diploma Tahfiz Al-Quran adalah amat baik. Bagaimanapun, prestasi bagi pelajar program Tahfiz Profesional didapati semakin menurun dan tidak mencapai sasaran.

2.4.3. Tadbir Urus Korporat

Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Agensi Kerajaan Negeri, Syarikat adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan oleh Perbendaharaan Malaysia (pemakaiannya telah dipersetujui semasa Persidangan Menteri-Menteri Besar dan Ketua-Ketua Menteri ke 69 pada 10 Jun 1993) serta peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke

semasa. Antara lain kehendak peraturan dan pekeliling yang dinyatakan adalah berkaitan keperluan melantik Lembaga Pengarah, had pembayaran elaun Ahli Lembaga Pengarah, pembayaran dividen, pembayaran bonus dan sebagainya. Semakan Audit terhadap tadbir urus korporat Syarikat meliputi kehendak pekeliling di atas serta pengurusan kewangan syarikat mendapati perkara seperti berikut:

2.4.3.1. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja

- a. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja (SOP) merupakan dokumen utama menerangkan secara lengkap setiap operasi yang dijalankan oleh syarikat. Ia bertujuan menyeragamkan urusan dan operasi harian syarikat serta dijadikan asas rujukan pegawai. SOP yang lengkap akan menjelaskan proses kerja, peraturan, pegawai yang bertanggungjawab dan hubungan kerja antara pegawai. Sehubungan itu, adalah menjadi kewajipan syarikat menyediakan garis panduan serta prosedur untuk mengurus dan mengawal urusan kewangan dengan cekap dan teratur. Antaranya berhubung dengan aspek pengurusan pendapatan, perbelanjaan, pengurusan aset, perolehan, pelaburan dan penyelenggaraan rekod kewangan.
- b. Garis panduan yang telah dikeluarkan itu hendaklah dibenteng dan diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat. Polisi serta prosedur syarikat yang telah diwujudkan hendaklah sentiasa disemak dan dikaji semula dari semasa ke semasa untuk memastikan ia masih relevan diguna pakai. Setiap pekerja syarikat hendaklah dimaklumkan akan kewujudan SOP tersebut bertujuan memastikan semua pegawai mematuhi setiap perundangan, peraturan, standard dan polisi yang diwujudkan.
- c. Semakan Audit mendapati, Syarikat ada menyediakan garis panduan Sistem Pengurusan Kualiti ISO 9001-2008 dan MS ISO 1900-2005 berkuatkuasa 1 November 2011 meliputi kawalan terhadap pengurusan dokumen, perolehan, latihan dan sebagainya. Selain itu, Syarikat juga ada menyediakan garis panduan berkaitan manual kerja operasi kewangan dan manual kerja pentadbiran bagi urusan berkaitan kewangan dan pentadbiran. Satu garis panduan baru berkaitan pengurusan kewangan dan sumber manusia bertarikh 27 September 2012 ada disediakan sebagai penambahbaikan kepada garis panduan lama. Bagaimanapun, garis panduan ini akan diguna pakai setelah di bawa ke mesyuarat Lembaga Pengarah untuk kelulusan.
- d. Semakan Audit juga mendapati Syarikat belum mempunyai polisi perakaunan dan kriteria bagi pengiktirafan aset. Sehubungan itu, semua barangan atau item yang diperolehi untuk kegunaan pejabat, bilik darjah, makmal, perpustakaan dan asrama telah diakaunkan sebagai aset tanpa mengira faktor harga/kos belian barangan serta tempoh kegunaan. **Maklum balas yang diterima daripada Syarikat bertarikh 5 Mac 2013, menjelaskan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan Dan Perolehan yang diadakan pada 1 Mac 2013 memperakui bahawa faktor kos perlu diambil kira dalam mengakaunkan sesuatu aset. Hanya aset yang bernilai RM1,000 atau**

lebih sahaja yang akan diambil kira sebagai aset. Syarikat juga dalam proses untuk menubuhkan jawatankuasa dalaman bagi mengatasi isu berkaitan aset.

2.4.3.2 Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mengikut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah perlu bertanggungjawab dan berkuasa penuh dalam membuat dan melaksanakan dasar, perancangan korporat dan pengurusan kewangan yang diluluskan selaras dengan objektif penubuhannya. Dalam merealisasikan matlamat tersebut, Lembaga Pengarah perlu mengadakan mesyuarat secara berkala mengikut ketetapan. Semakan Audit mendapati pada tahun 2010 Ahli Lembaga Pengarah Syarikat telah bermesyuarat sebanyak 4 kali dan 3 kali masing-masing bagi tahun 2011 dan 2012 (sehingga September). Semakan Audit mendapati bilangan mesyuarat Lembaga Pengarah Syarikat mengikut tempoh yang ditetapkan. Semakan lanjut Audit terhadap Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah tersebut mendapati agenda yang dibincangkan ada mengambil kira perkara berkaitan pentadbiran, kewangan, prestasi syarikat seperti laporan akademik, hafazan Al-Quran dan aktiviti pelajar.

2.4.3.3 Jawatankuasa Audit Dan Unit Audit Dalam

Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993, menghendaki Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan ditubuhkan oleh syarikat Kerajaan. Antara fungsinya adalah untuk memastikan keutuhan kawalan dalaman syarikat, mengesan kelemahan pengurusan syarikat dan mengeluarkan garis panduan untuk pembetulan dan penambahbaikan. Keanggotaan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan ini mestilah terdiri daripada pihak pengurusan dan ahli luar. Peranan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bil. 9 Tahun 1993 antara lain adalah termasuk menyemak aktiviti audit dalam. Pihak Audit mendapati sehingga akhir tahun 2012, Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan serta Unit Audit Dalam belum lagi ditubuhkan di Syarikat. Selain itu, pihak Audit juga mendapati Unit Audit Dalam Yayasan Pahang juga tidak pernah menjalankan pengauditan terhadap Syarikat. **Maklum balas yang diterima daripada Syarikat bertarikh 5 Mac 2013, menjelaskan pengurusan Syarikat berpendapat adalah tidak memadai organisasi kecil seperti Syarikat menubuhkan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan serta Unit Audit Dalam. Pengauditan Syarikat adalah dibawah penyeliaan Unit Audit Dalam syarikat induk.**

2.4.3.4. Kawalan Perbelanjaan

Semakan Audit terhadap kawalan perbelanjaan Syarikat mendapati perkara seperti berikut:

a. Pembayaran Atas Nama Pegawai

Arahan Perbendaharaan 99(b) menetapkan, nama seseorang pegawai kerajaan tidak boleh dicatatkan sebagai penerima bayaran pada sesuatu baucar kecuali berkenaan dengan gaji, pendahuluan dan pinjaman atau tuntutan persendirian yang lain. Memandangkan Syarikat tidak mempunyai peraturan kewangan berkaitan kawalan dalaman, peraturan ini boleh diguna pakai/*best practice* sebagai satu langkah kawalan dalaman bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan dan kehilangan wang syarikat. Semakan Audit terhadap lejar dan sampel baucar bayaran bagi tempoh 2010 hingga Jun 2012 mendapati Syarikat telah menurunkan kuasa kepada 3 orang pegawai termasuk pengarah MTNP sendiri bagi tujuan *cheque encashment*. Baucar bayaran dan cek akan dikeluarkan atas nama 3 orang pegawai tersebut yang bertanggungjawab untuk mengeluarkan wang bagi tujuan pembayaran perbelanjaan syarikat. Semakan Audit mendapati antara perbelanjaan yang dibayar melalui kaedah ini termasuklah perbelanjaan seperti di **Jadual 2.11**. Semakan Audit selanjutnya mendapati satu surat telah dikeluarkan oleh Pengarah MTNP yang menurunkan kuasa kepada 3 orang pegawai tersebut sebagai wakil syarikat bagi tujuan *cheque encashment*. Amalan ini bertentangan dengan peraturan kewangan dan boleh membuka ruang kepada penyelewengan dan kehilangan wang syarikat. **Maklum balas yang diterima daripada Syarikat bertarikh 5 Mac 2013, menjelaskan surat yang dikeluarkan oleh pengarah Syarikat yang menurunkan kuasa kepada 3 orang pegawai sebagai wakil syarikat bagi tujuan *cheque encashment* telah dimansuhkan dan dikuatkuasa serta merta.**

Jadual 2.11
Jenis Perbelanjaan Dan Jumlah Bayaran Cek Dikeluarkan Atas Nama Pegawai

Bil.	Jenis Perbelanjaan	Jumlah Perbelanjaan/Tahun		
		2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (Sehingga Jun) (RM)
1.	<i>Advertising & Promotion</i>	114,752	136,035	112,588
2.	<i>Office & Admin - Entertainment</i>			
3.	<i>Office Supplies</i>			
4.	<i>Staff Welfare</i>			
5.	<i>Travelling & Accomodation</i>			
6.	<i>Other Admin Function/Programme</i>			
7.	<i>Meeting Allowance</i>			
8.	<i>Direct Cost – Meeting Expenses</i>			
9.	<i>Staff Refreshment</i>			
10.	<i>Gift & Donation</i>			
11.	<i>Hari Raya Programme</i>			
12.	<i>Kuih Raya</i>			
13.	<i>Training Expenses</i>			
14.	<i>Signage/Signboard</i>			

Sumber: Tahfiz Pahang Sdn. Bhd.

b. Pendahuluan Diri

- i. Syarikat membenarkan kakitangan membuat pendahuluan diri untuk bayaran sewa hotel, elaun makan dan belanja pelbagai semasa menjalankan urusan rasmi di luar daerah. Selain itu terdapat juga kakitangan menggunakan kemudahan pendahuluan diri untuk membiayai perbelanjaan bagi tujuan program yang dikhususkan untuk para pelajar MTNP. Merujuk kepada PRO/KEW/09 Manual Kerja Operasi Kewangan Syarikat dokumen perbelanjaan hendaklah dikemukakan dalam tempoh 7 hari untuk diselaraskan selepas kembali bertugas atau program yang dianjurkan selesai. Semakan Audit terhadap 10 sampel baucar bayaran pendahuluan diri yang diluluskan pada tahun 2012 mendapati 4 daripadanya telah dikemukakan melebihi tempoh tersebut iaitu antara 12 hingga 49 hari. Manakala 4 pendahuluan diri lagi yang dikeluarkan antara bulan Januari hingga September 2012 masih belum dikemukakan untuk tuntutan. Maklumat mengenai pendahuluan diri tersebut adalah seperti di **Jadual 2.12**.

Jadual 2.12
Perbelanjaan Pendahuluan Diri Syarikat Pada Tahun 2012

Bil.	Baucar Pendahuluan Diri			Program/Tujuan	Tarikh Pelarasan	Kelewatan (Hari)
	Nombor	Tarikh	Amaun (RM)			
1.	4899	19.1.12	8,150	Lawatan kerja ke Mesir pada 23.1.2012 hingga 5.2.2012	Masih belum diselaraskan	-
2.	4927	30.1.12	10,000	Pembelian buku dan kitab semasa lawatan kerja ke Mesir.	Masih belum diselaraskan	-
3.	4990	22.2.12	18,330	Lawatan kerja ke Korea Selatan dari 25.2.2012 hingga 6.3.2012	Masih belum diselaraskan	-
4.	5087	23.3.12	1,478	Program Bio-Venture 2012 di Zoo Negara pada 31.3.2012	20.6.2012	49
5.	5568	16.8.12	4,460	Program Seminar Teknik Menjawab Peperiksaan Diploma Sesi Mei - September 2012 pada 1 hingga 2.9.2012	30.9.2012	12
6.	5587	5.9.12	7,600	Program Mentor Mentee 2012 pada 7.9.2012	Masih belum diselaraskan	-
7.	5646	24.9.12	3,450	Program Teknik Menjawab PMR Sesi 2012 pada 14 hingga 22.9.2012	31.10.2012	19

Sumber: Tahfiz Pahang Sdn. Bhd.

- ii. **Maklum balas yang diterima daripada Syarikat bertarikh 5 Mac 2013, menjelaskan pendahuluan diri bagi bilangan 1, 2, 3 dan 6 di atas telah diselaraskan pada 14 November dan 31 Disember 2012. Peraturan pendahuluan diri juga telah diketatkan dengan tuntutan perbelanjaan bagi pendahuluan diri perlu dikemukakan dalam tempoh 7 hari sepertimana peraturan yang ditetapkan.**

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya tadbir urus korporat Syarikat adalah memuaskan. Pelantikan pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah telah dibuat mengikut prosedur yang sewajarnya. Bagaimanapun masih terdapat beberapa kelemahan yang memerlukan tindakan penambahbaikan terutama berkaitan pematuhan kepada peraturan kerajaan dan kawalan dalaman berkaitan perbelanjaan.

2.5. SYOR AUDIT

Bagi menambah baik pengurusan Syarikat, pihak Audit mengesyorkan Tahfiz Pahang Sdn. Bhd. mengambil tindakan berikut:

2.5.1. Meningkatkan prestasi pelajar dengan mewujudkan teknik pembelajaran yang lebih berkesan supaya KPI yang ditetapkan dapat dicapai.

2.5.2. Meningkatkan kawalan dalaman syarikat dengan melaksanakan audit dalaman secara berterusan oleh agensi induk iaitu Yayasan Pahang.

2.5.2. Memastikan setiap peraturan kerajaan berkaitan syarikat kerajaan terutama berkaitan penubuhan Jawatankuasa Audit dipatuhi.

2.5.4. Mempertingkatkan tahap pengurusan kewangan syarikat dengan mewujudkan sistem kawalan dalaman yang lebih berkesan terutama berkaitan perbelanjaan.

3. KLINIK AL-AMIN SDN. BHD.

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Klinik Al-Amin Sdn. Bhd. (KASB) telah diperbadankan pada 29 Julai 2002 dan memulakan operasi pada 28 Januari 2003 di Dataran Jam Masjid Sultan Ahmad Shah 1, Kuantan. Operasinya telah diperluaskan dengan membuka sebuah cawangan di Bandar Rompin pada tahun 2006. KASB merupakan syarikat milik penuh Majlis Ugama Islam Dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) dengan modal dibenarkan berjumlah RM500,000 dan modal berbayar berjumlah RM421,452. Aktiviti KASB adalah sebagai klinik perubatan yang menyediakan perkhidmatan kesihatan primer seperti kemudahan rawatan pesakit luar dan pembedahan kecil. Perkhidmatannya telah dipertingkatkan bermula Julai 2011 dengan menawarkan perkhidmatan X-ray.

3.1.2. Objektif KASB adalah menyediakan perkhidmatan perubatan yang bermutu tinggi kepada setiap pelanggan dan pesakit; memajukan daya pengurusan, pentadbiran dan perkhidmatan yang dinamik; dan memajukan tenaga kerja yang bermotivasi dengan etika kerja yang sesuai iaitu Etika Kerja Islam, cekap serta bersopan santun kepada pelanggan dan pesakit.

3.1.3. KASB diterajui oleh 5 orang Ahli Lembaga Pengarah di mana 2 orang daripadanya adalah wakil Kerajaan. KASB diketuai oleh Pengurus Klinik serta dibantu oleh Penyelia, Kerani Akaun, Juru X-ray dan Pembantu Klinik.

3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada prestasi kewangan syarikat adalah memuaskan, pengurusan aktiviti dan pengurusan kewangan serta tadbir urus korporat telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur selaras objektif penubuhannya.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan, aktiviti utama dan tadbir urus korporat syarikat bagi tempoh 2010 hingga 2012. Analisis prestasi kewangan dibuat berdasarkan penyata kewangan beraudit bagi tempoh 3 tahun kewangan berakhir 31 Disember 2009 hingga 2011. Pengauditan dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan kewangan, aktiviti utama serta tadbir urus korporat syarikat. Perbincangan dan temu bual juga diadakan dengan pegawai syarikat. Selain itu, pemeriksaan fizikal serta lawatan turut dibuat terhadap aset, aktiviti syarikat dan kemudahan yang disediakan.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Ogos 2012 mendapati secara keseluruhannya objektif penubuhan KASB adalah tercapai. Namun, prestasi kewangan KASB adalah kurang memuaskan kerana mengalami kerugian sebelum cukai 2 tahun berturut-turut bagi tahun kewangan 2010 dan 2011. Pengurusan aktiviti dan tadbir urus korporat pula adalah memuaskan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan yang dikenal pasti seperti berikut:

- Garis panduan dan prosedur kerja tidak disediakan.
- Laporan penggunaan geran tidak disediakan bagi memantau tujuan penggunaannya.

3.4.1 Prestasi Kewangan

3.4.1.1. Analisis Trend

- a. Analisis Audit terhadap Penyata Kewangan KASB bagi tempoh 2009 hingga 2011 mendapati KASB mencatatkan keuntungan sebelum cukai berjumlah RM0.02 juta pada tahun 2009. Pada tahun 2010 dan 2011 pula, KASB mengalami kerugian sebelum cukai berjumlah RM0.17 juta, manakala kerugian terkumpul pada 31 Disember 2011 berjumlah RM0.38 juta. Prestasi kewangan KASB menurun disebabkan oleh jumlah untung kasar yang semakin menurun iaitu RM0.12 juta (13.3%) pada tahun 2010 dan RM0.13 juta (16.7%) pada tahun 2011.
- b. Pendapatan KASB terdiri daripada 2 komponen iaitu perolehan dan lain-lain pendapatan. Perolehan terdiri daripada pendapatan yang diterima melalui perkhidmatan perubatan dan jualan ubat-ubatan. Lain-lain pendapatan pula terdiri daripada dividen diterima, sumbangan MUIP dan hibah bank. Analisis Audit mendapati trend pendapatan KASB adalah meningkat iaitu daripada RM1.40 juta pada tahun 2009 kepada RM1.41 juta pada tahun 2010 dan menurun kepada RM0.95 juta pada tahun 2011. Faktor utama yang menyumbang kepada penurunan pendapatan adalah disebabkan oleh ketiadaan doktor dan penutupan KASB Rompin mulai Oktober 2011.
- c. Perbelanjaan KASB pula terdiri daripada kos perkhidmatan serta belanja pentadbiran, operasi dan kewangan. Analisis Audit mendapati trend perbelanjaan KASB adalah menaik iaitu daripada RM1.38 juta pada tahun 2009 kepada RM1.58 juta pada tahun 2010, manakala menurun kepada RM1.12 juta pada tahun 2011. Faktor peningkatan dan penurunan perbelanjaan adalah daripada perbelanjaan gaji dan kos perkhidmatan. **Maklum balas daripada KASB bertarikh 15 Oktober 2012, menyatakan bahawa peningkatan perbelanjaan adalah disebabkan oleh peningkatan perbelanjaan tetap yang terdiri daripada gaji Pembantu Klinik dan**


Doktor Residen serta harga ubat-ubatan yang semakin meningkat terutamanya ubat antibiotik dan suntikan.

- d. Kedudukan pendapatan, perbelanjaan dan keuntungan syarikat bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011 adalah seperti di **Jadual 3.1**, **Carta 3.1** dan **Carta 3.2**.


Jadual 3.1
Jumlah Pendapatan, Perbelanjaan Dan Keuntungan/Kerugian KASB
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun Kewangan		
	2009 (RM Juta)	2010 (RM Juta)	2011 (RM Juta)
Pendapatan	1.40	1.35	0.95
Lain-lain Pendapatan	-	0.06	0.00
Kos Perkhidmatan	0.50	0.63	0.30
Untung Kasar	0.90	0.78	0.65
Perbelanjaan Pentadbiran	0.87	0.94	0.81
Perbelanjaan Operasi	0.01	0.01	0.01
Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai	0.02	-0.17	-0.17
Percukaian	0.00	-	0.01
Keuntungan/Kerugian Selepas Cukai	0.02	-0.17	-0.18
Kerugian Terkumpul	-0.01	-0.20	-0.38

Sumber: Penyata Kewangan KASB



Sumber: Penyata Kewangan KASB



Sumber: Penyata Kewangan KASB

3.4.1.2. Analisis Nisbah

Bagi menilai prestasi kewangan syarikat dengan lebih jelas, beberapa analisis nisbah kewangan telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan dalam Lembaran Imbangan dan Penyata Pendapatan Syarikat bagi tahun kewangan 2009 hingga 2011. Hasil analisis nisbah kewangan adalah seperti di **Jadual 3.2**.

Jadual 3.2
Analisis Nisbah Kewangan KASB
Bagi Tahun Kewangan 2009 Hingga 2011

Butiran	Tahun Kewangan		
	2009	2010	2011
Nisbah Semasa	0.77:1	0.65:1	0.64:1
Margin Keuntungan	1.4%	-11.8%	-19.1%
Nisbah Pulangan Ke Atas Aset	0.03:1	-0.19:1	-0.24:1
Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti	0.07:1	-0.76:1	-4.74:1

Sumber: Penyata Kewangan KASB

a. Nisbah Semasa

Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan Aset Semasa dengan Liabiliti Semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Nisbah semasa pada kadar 2:1 dan ke atas menunjukkan syarikat mempunyai kecairan kewangan yang baik dan berupaya menampung liabiliti semasa. Analisis Audit mendapati tahap kecairan KASB menurun daripada 0.77 kali pada tahun 2009 kepada 0.65 kali pada tahun 2010 dan 0.64 kali pada tahun 2011. Penurunan ini adalah disebabkan oleh baki di bank dan stok yang terdiri daripada ubat-ubatan yang semakin berkurangan. Sekiranya keadaan ini berterusan, KASB berkemungkinan menghadapi masalah untuk menampung keseluruhan liabiliti semasanya.

b. Margin Untung Bersih

Margin Untung Bersih digunakan bagi mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil syarikat dan keupayaan syarikat bagi menjana pendapatan serta mengawal perbelanjaan. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah terhadap keuntungan syarikat. Analisis Audit mendapati margin keuntungan KASB adalah menurun daripada 1.4% pada tahun 2009 kepada negatif 11.8% pada tahun 2010 dan negatif 19.1% pada tahun 2011. Berdasarkan kepada margin ini, dapat dirumuskan bahawa pulangan keuntungan KASB adalah menurun dari setahun ke setahun. **Maklum balas daripada KASB bertarikh 15 Oktober 2012, menyatakan bahawa penurunan margin keuntungan adalah disebabkan oleh penurunan pendapatan kesan daripada penutupan KASB Rompin yang merupakan penyumbang besar bagi pendapatan keseluruhan syarikat. Selain itu, KASB adalah berkonsepkan sosial bagi membantu masyarakat Islam mendapat rawatan perubatan pesakit luar yang berkualiti bersesuaian dengan objektif penubuhannya.**

c. Nisbah Pulangan Ke Atas Aset

Nisbah Pulangan Ke Atas Aset digunakan bagi mengukur pulangan bersih yang diperoleh oleh syarikat bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pulangan yang diperoleh menunjukkan syarikat semakin cekap menguruskan asetnya. Analisis Audit mendapati, kadar pulangan ke atas aset yang diperoleh KASB menurun daripada 0.03 sen pada tahun 2009 kepada negatif 0.19 sen dan negatif 0.24 sen masing-masing pada tahun 2010 dan 2011. Hal ini menunjukkan pulangan bagi setiap ringgit aset yang dilaburkan adalah tidak memuaskan kerana nisbah pulangan atas aset adalah rendah dan menurun dari setahun ke setahun.

d. Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti

Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti digunakan bagi mengukur pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan. Semakin tinggi pulangan yang diperoleh menunjukkan syarikat semakin cekap menguruskan modalnya. Analisis Audit mendapati kadar pulangan ke atas ekuiti yang diperoleh KASB adalah tidak memuaskan kerana menurun dari setahun ke setahun daripada 0.07 sen pada tahun 2009 kepada negatif 0.76 sen pada tahun 2010 dan negatif 4.74 sen pada tahun 2011. Keadaan ini menunjukkan prestasi syarikat kurang memberi keuntungan bagi setiap ringgit modal yang dilaburkan.

Pada pendapat Audit, secara keseluruhannya prestasi kewangan KASB adalah kurang memuaskan kerana keuntungan syarikat dan nisbah kewangan menunjukkan penurunan dari setahun ke setahun sehingga tidak mampu menampung liabiliti semasanya.

3.4.2. Pengurusan Aktiviti

Aktiviti utama KASB adalah menawarkan kemudahan rawatan pesakit luar, pembedahan kecil, pengimejan diagnostik (X-ray), klinik panel kepada *Foreign Workers' Medical Examination Monitoring Agency* (FOMEMA), berkhatan dan farmasi. KASB mengamalkan Etika Kerja Islam antaranya memulakan perkhidmatan dengan membaca 'Bismillah', menyemarakkan ucapan salam antara pekerja dan pesakit serta seboleh-bolehnya pesakit wanita dirawat oleh doktor wanita.

3.4.2.1. Aktiviti KASB

- a. Operasi KASB telah bermula pada 28 Januari 2003 di Dataran Jam Masjid Sultan Ahmad Shah 1, Kuantan. Lokasinya terletak bersebelahan dengan Masjid Sultan Ahmad Shah 1 seperti di **Gambar 3.1**. Penubuhan KASB ini antara lain adalah untuk memberikan alternatif kepada orang awam bagi mendapatkan rawatan perubatan yang berkualiti pada harga yang berpatutan. Pihak Audit mendapati perakuan

pendaftaran ada dipamerkan di bahagian yang mudah dilihat di KASB sebagaimana yang ditetapkan oleh Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 (Akta 586).



Gambar 3.1
Premis KASB Bersebelahan Masjid Sultan Ahmad Shah 1

Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: Dataran Jam Masjid Sultan Ahmad Shah 1,
Kuantan
Tarikh: 20 Jun 2012

- b. Pada Ogos 2006, KASB telah membuka cawangannya di Bandar Rompin bagi mengembangkan lagi operasi KASB serta memenuhi keperluan dan kebajikan penduduk setempat. Bagaimanapun, setelah 5 tahun beroperasi, klinik ini terpaksa ditutup pada Oktober 2011 kerana ketiadaan doktor.
- c. Analisis Audit terhadap Buku Daftar Pesakit, Penyata Kewangan dan Laporan Prestasi Kewangan KASB mendapati kedatangan pesakit dan pendapatan KASB menurun masing-masing pada kadar 37.9% dan 29.7% pada tahun 2011 seperti di **Jadual 3.3** berikutan penutupan KASB Rompin. Selain itu, faktor lokasi KASB yang terletak di tengah bandar sehingga menimbulkan masalah meletak kenderaan juga menyumbang kepada penurunan tersebut.

Jadual 3.3
Rekod Kedatangan Pesakit Dan Pendapatan KASB
Bagi Tempoh 2010 Hingga April 2012

Tahun	Bilangan Pesakit (Orang)	Pendapatan (RM)
2010	52,409	1,353,037
2011	32,565	951,092
2012	7,900	255,496

Sumber: Buku Daftar Pesakit, Penyata Kewangan Dan Laporan Prestasi Kewangan KASB

- d. KASB telah dilantik sebagai klinik panel FOMEMA bagi tujuan pemeriksaan kesihatan dengan caj berjumlah RM60 setiap seorang. Bagi menambahkan pendapatan, KASB telah mengambil tindakan dengan mengemukakan permohonan kepada FOMEMA untuk dilantik sebagai panel X-ray dan telah diluluskan mulai Julai 2012.
- e. KASB turut menyediakan kemudahan bayaran perubatan secara kredit kepada syarikat panel yang berdaftar. Semakan Audit mendapati kelewatan bayaran perkhidmatan oleh syarikat panel tersebut adalah berjumlah RM135,604 pada tahun 2010, RM108,294 pada tahun 2011 dan sehingga April 2012 berjumlah RM105,059.

Bagaimanapun, pihak syarikat ada mengambil tindakan dengan menghubungi syarikat panel yang berkenaan.

- f. Bermula Julai 2011, KASB menawarkan perkhidmatan X-ray dengan membuka Bahagian X-ray di tapak kafeteria Masjid Negeri, Kuantan seperti di **Gambar 3.2** dan **Gambar 3.3**. Untuk tujuan ini, KASB menggunakan *Computer Radiography System* yang membolehkan doktor mengenal pasti masalah secara atas talian tanpa perlu mencetak filem sekaligus dapat mengurangkan kadar caj yang dikenakan kepada pengunjung dan hanya akan dicetak sekiranya diminta.

Gambar 3.2
Bahagian X-ray



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KASB di Kuantan
Tarikh: 20 Jun 2012

Gambar 3.3
Bahagian X-ray dan Klinik



Sumber: Jabatan Audit Negara
Lokasi: KASB di Kuantan
Tarikh: 20 Jun 2012

3.4.2.2. Aktiviti Sosial

Selain memberikan perkhidmatan kesihatan, KASB turut mengadakan aktiviti sosial dengan merawat pesakit yang telah dikenal pasti sebagai miskin dan berkhatah bagi saudara baru yang memeluk Islam secara percuma di mana kos rawatannya ditanggung oleh MUIP. KASB turut menganjurkan aktiviti berkhatah secara beramai-ramai yang diadakan pada setiap hujung tahun sempena cuti persekolahan seperti di **Gambar 3.4** dan **Gambar 3.5**.

Gambar 3.4

Aktiviti Berkhatan Beramai-ramai



Sumber: KASB
Lokasi: KASB di Kuantan

Gambar 3.5



Sumber: KASB
Lokasi: KASB di Kuantan

3.4.2.3. Maklum Balas Pelanggan

Seksyen 36, Akta 586 menetapkan supaya suatu pelan mekanisme ketidakpuasan hati pesakit hendaklah ditubuhkan. Semakan Audit mendapati KASB ada menyediakan Borang Kepuasan Pelanggan bagi mendapatkan maklum balas daripada pengunjung serta KASB turut menerima maklum balas melalui e-mel, panggilan telefon dan surat. Selain daripada itu, analisis terhadap maklum balas yang diterima daripada soal selidik yang diedarkan mendapati pengunjung berpuas hati dengan perkhidmatan yang disediakan, ruangnya yang selesa, luas, bersih, ceria serta pekerja dan doktor yang mesra. Pengunjung turut berpendapat KASB mengamalkan Etika Kerja Islam dan kadar caj yang dikenakan adalah berpatutan.

Pada pendapat Audit, pengurusan aktiviti di KASB adalah memuaskan dan objektif penubuhannya adalah tercapai.

3.4.3. Tadbir Urus Korporat

Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh MUIP, KASB adalah tertakluk kepada Akta Syarikat 1965, Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia, pekeliling berkaitan pengurusan syarikat Kerajaan oleh Perbendaharaan Malaysia dan peraturan yang dikeluarkan oleh Kerajaan Negeri dari semasa ke semasa. Antara kehendak peraturan dan pekeliling yang dinyatakan adalah berkaitan keperluan melantik Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat, pembayaran dividen kepada Kerajaan, pembayaran bonus, penubuhan Unit Audit Dalam dan Jawatankuasa Audit, dan sebagainya. Penemuan Audit terhadap tadbir urus korporat KASB adalah seperti berikut:

3.4.3.1. Lembaga Pengarah

a. Pelantikan dan Keanggotaan Lembaga Pengarah

Bagi meningkatkan amalan tadbir urus korporat yang baik, syarikat adalah digalakkan mewujudkan keseimbangan dalam keahlian Lembaga Pengarah. Sebahagian Ahli Lembaga Pengarah (ALP) yang dilantik perlu terdiri daripada mereka yang bukan daripada pihak pengurusan Kumpulan tetapi dilantik atas kepakaran dan pengalaman dalam bidang tertentu agar dapat memberi sumbangan kepada pengurusan syarikat. Seksyen 122(1), Akta Syarikat 1965 dan perenggan 67, Memorandum Dan Artikel Penubuhan syarikat menetapkan bilangan Pengarah pada sesuatu masa hendaklah tidak kurang daripada 2 orang ahli dan tidak melebihi daripada 9 orang ahli. Semakan Audit mendapati ALP KASB adalah seramai 5 orang dan komposisinya terdiri daripada Ahli MUIP serta pihak luar yang mempunyai kepakaran dan pengalaman yang bersesuaian dengan aktiviti utama syarikat seperti di **Jadual 3.4**.

Jadual 3.4
Ahli Lembaga Pengarah KASB Pada 30 April 2012

Bil.	Jawatan	Umur (Tahun)	Pekerjaan
1.	Pengerusi	68	Timbalan Yang Dipertua MUIP
2.	Ahli	69	Ahli Majlis MUIP
3.	Ahli	50	Doktor Pakar Forensik
4.	Ahli	52	Pensyarah/Pakar Bius
5.	Ahli	45	Doktor/Pakar Bedah

Sumber: KASB

b. Mesyuarat Lembaga Pengarah

Mengikut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah perlu bertanggungjawab dan berkuasa penuh dalam membuat dan melaksanakan dasar, perancangan korporat dan pengurusan kewangan yang diluluskan selaras dengan objektif penubuhannya. Bagi merealisasikan perkara tersebut, Lembaga Pengarah hendaklah bermesyuarat secara berkala dan teratur bagi memantau prestasi kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati ALP KASB telah bermesyuarat sebanyak 2 kali pada tahun 2010, manakala masing-masing sekali pada tahun 2011 dan sehingga April 2012. Pihak Audit juga mendapati perkara berkenaan prestasi kewangan dan perancangan syarikat ada dibentangkan semasa mesyuarat tersebut. Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah juga telah disedia dan difailkan dengan teratur serta keputusan mesyuarat telah dipantau dengan baik.

c. Manfaat Lembaga Pengarah

Perkara berkaitan manfaat yang layak diterima oleh Lembaga Pengarah ada dinyatakan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 2 Tahun 1993, Kod Tadbir Urus

Korporat Malaysia (Bahagian 1B) dan perenggan 70, Memorandum Dan Artikel Penubuhan KASB. Antara syarat yang dinyatakan adalah manfaat yang diberi mestilah berkaitan sesuatu perkara yang ada hubungan dengan urusan syarikat, prestasi dan pencapaian dalam syarikat serta peringkat pengalaman dan tanggungjawab seseorang pengarah. Semakan Audit mendapati ALP KASB menerima elaun pengarah dan mesyuarat. Elaun pengarah terdiri daripada ganjaran/imbuan tahunan yang dibayar kepada semua ALP manakala elaun mesyuarat dibayar kepada ALP yang menghadiri Mesyuarat Lembaga Pengarah. Manfaat Lembaga Pengarah KASB pada tahun 2010, 2011 dan sehingga April 2012 adalah seperti di **Jadual 3.5**.

Jadual 3.5
Manfaat Lembaga Pengarah KASB

Bil.	Jawatan	Elaun Pengarah		Elaun Mesyuarat		
		2010 (RM)	2011 (RM)	2010 (RM)	2011 (RM)	2012 (RM)
1.	Pengerusi	2,000	1,000	200	200	200
2.	Ahli	10,000	4,000	1,000	600	400
Jumlah		12,000	5,000	1,200	800	600

Sumber: KASB

3.4.3.2. Garis Panduan Dan Prosedur Kerja

Garis panduan dan prosedur kerja yang lengkap dan menyeluruh dapat mempercepatkan operasi juga mempertingkatkan produktiviti syarikat. Garis panduan dan prosedur kerja yang disediakan perlu lengkap dan kemas kini kerana ia merupakan dokumen yang menerangkan secara jelas mengenai operasi, kawalan dalaman, peraturan dan hubungan kerja antara pegawai dan bahagian. Sehubungan itu, syarikat perlu mewujudkan garis panduan dan prosedur kerja berhubung dengan aspek pendapatan, perbelanjaan, pengurusan aset, perolehan, pelaburan dan penyelenggaraan rekod kewangan. Semakan Audit mendapati KASB tidak menyediakan garis panduan dan prosedur kerja secara bertulis berhubung pengurusan kewangan, perakaunan, perolehan dan juga aset seperti yang dikehendaki bagi memastikan pengurusan operasinya dapat dijalankan dengan cekap dan berkesan. **Maklum balas daripada KASB bertarikh 15 Oktober 2012, menyatakan bahawa KASB mengambil maklum dan akan menyediakan garis panduan dan prosedur kerja sepertimana yang disarankan. Walau bagaimanapun, kawalan dalaman sentiasa diamalkan melalui peraturan yang dimaklumkan kepada semua kakitangan melalui mesyuarat dan memo.**

3.4.3.3. Pembayaran Dividen

Dividen merupakan pulangan yang perlu dibayar kepada pemegang saham selaras dengan hak dan keutamaan serta diisytiharkan semasa Mesyuarat Agung Tahunan Lembaga Pengarah. Pekeliling Perbendaharaan Bil. 11 Tahun 1993 menetapkan syarikat Kerajaan/Agensi membayar dividen sekurang-kurangnya 10% setahun kepada Kerajaan

sebagai pemegang saham tanpa menjejaskan kedudukan kewangan syarikat. Semakan Audit mendapati KASB tidak membayar dividen kepada MUIP bagi tahun kewangan 2010 dan 2011 kerana syarikat mengalami kerugian pada tahun kewangan tersebut. **Maklum balas daripada KASB bertarikh 15 Oktober 2012, menyatakan bahawa pembayaran dividen tidak dapat dibayar kerana mengalami kerugian pada 2 tahun kewangan tersebut. Walau bagaimanapun, KASB pernah membayar dividen kepada MUIP semasa syarikat mencatatkan keuntungan.**

3.4.3.4. Pengurusan Pinjaman

- a. Artikel 74, Memorandum Dan Artikel Penubuhan KASB memberi kuasa kepada Lembaga Pengarah untuk membuat pinjaman. Pihak Audit mendapati KASB telah menerima pinjaman daripada MUIP berjumlah RM30,000 bagi tujuan pembayaran pembelian ubat-ubatan dan RM134,000 bagi menampung kos pembelian mesin X-ray pada tahun 2010. KASB Rompin pula menerima pinjaman daripada MUIP berjumlah RM165,000 bagi menampung kos pembukaan klinik. Semakan Audit mendapati jadual bayaran balik pinjaman tidak disediakan dan sehingga April 2012, bayaran balik pinjaman masih belum dibuat kerana Bahagian X-ray masih baharu beroperasi dan aliran tunai KASB yang kurang memuaskan. KASB Rompin pula ada membuat bayaran balik pinjaman kepada MUIP berjumlah RM1,000 sebulan bermula Julai 2010 hingga Oktober 2010. Hasil temu bual dengan Kerani Akaun KASB mendapati tiada bayaran dibuat selepas 4 kali pembayaran disebabkan masalah kewangan yang dihadapi oleh KASB Rompin sebelum tamat operasi menjadikan baki pinjaman KASB Rompin sehingga April 2012 berjumlah RM161,000. **Maklum balas daripada KASB bertarikh 14 Februari 2013, menyatakan bahawa KASB dijangka tidak mampu untuk membayar balik pinjaman yang diterima. Sehubungan itu, pihak KASB telah membuat permohonan kepada MUIP supaya pinjaman tersebut ditukarkan kepada Modal Berbayar KASB. Permohonan ini akan dibawa ke Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan MUIP untuk kelulusan.**
- b. Selain itu, ALP telah bersetuju untuk menerima tawaran Pinjaman *Islamic Overdraft* berjumlah RM120,000 daripada Bank Islam Malaysia Berhad bertarikh 18 April 2011 semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 1 Tahun 2011. Pinjaman tersebut adalah sebagai modal pusingan perniagaan bagi menampung keperluan kewangan syarikat.

3.4.3.5. Pengurusan Ekuiti/Geran

Pada 10 Jun 2010, MUIP telah membuat tambahan modal berbayar kepada KASB berjumlah RM134,000 sebagai bantuan kewangan untuk membeli mesin X-ray bagi pembukaan Bahagian X-ray yang telah diluluskan semasa Mesyuarat Lembaga Pengarah Bil. 2 Tahun 2010. Selain itu, MUIP telah meluluskan pemberian geran tahunan berjumlah RM240,000 (RM20,000 sebulan) pada tahun 2012 bagi membantu KASB membiayai kos pembelian ubat dan pengurusan operasi klinik. KASB telah menerima geran tersebut pada Mei 2012 dan direkodkan sebagai sumbangan daripada MUIP. Hasil temu bual

dengan Kerani Akaun KASB mendapati geran tersebut digunakan untuk membayar hutang pembelian ubat secara kredit, membeli stok ubat-ubatan dan membayar gaji doktor. Menurut amalan terbaik, laporan penggunaan geran hendaklah disediakan bagi memastikan tujuan pemberian geran dipatuhi. Semakan Audit mendapati tiada mekanisme pemantauan terhadap penggunaan geran tersebut. **Maklum balas daripada KASB bertarikh 15 Oktober 2012, menyatakan bahawa pemberian geran daripada MUIP ini amat diperlukan bagi memastikan KASB mempunyai dana yang mencukupi untuk beroperasi setelah pihak MUIP memutuskan untuk tidak menaikkan caj rawatan kepada pesakit. Penggunaan geran ini dipantau oleh KASB melalui kawalan dari segi pembelian ubat dan aliran tunai syarikat serta mengambil maklum mengenai syor pihak Audit.**

Pada pendapat Audit, tadbir urus korporat KASB adalah memuaskan. Bagaimanapun, peraturan dan pekeliling Kerajaan berkaitan syarikat Kerajaan perlu dipatuhi sewajarnya.

3.5. SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan prestasi kewangan dan aktiviti syarikat, adalah disyorkan Klinik Al-Amin Sdn. Bhd. mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut:

3.5.1. Mempertingkatkan usaha bagi memperbaiki prestasi kewangan syarikat dan memastikan operasi syarikat memberi keuntungan yang optimum.

3.5.2. Memantapkan aktiviti syarikat dengan memfokuskan kepada aktiviti yang mendatangkan keuntungan.

3.5.3. Memperkemaskan tadbir urus korporat syarikat dengan menjadikan Kod Tadbir Urus Korporat Malaysia sebagai amalan terbaik bagi memelihara kepentingan Kerajaan.

3.5.4. Mewujudkan garis panduan dan prosedur kerja berkaitan pengurusan kewangan bagi memudahkan pemantauan serta mematuhi peraturan dan pekeliling Kerajaan berkaitan syarikat Kerajaan.



PENUTUP

PENUTUP

Secara keseluruhannya, pengauditan yang dijalankan mendapati wujud beberapa kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti dari segi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan. Antara faktor utama yang menyebabkan wujudnya kelemahan adalah mekanisme pemantauan yang kurang berkesan dalam memastikan undang-undang dan peraturan dikuatkuasakan. Jika kelemahan tersebut tidak diberi perhatian yang serius dan tidak diperbetulkan, ia boleh menjejaskan pencapaian objektif/program berkenaan serta menjejaskan imej Kerajaan Negeri dan perkhidmatan awam.

Agensi Negeri yang terlibat telah mengambil tindakan pembetulan selepas mendapat teguran daripada pihak Audit, namun bagi mengelakkan kelemahan yang sama daripada berulang, langkah pembetulan perlu dibuat secara berterusan. Pegawai Pengawal yang terlibat juga perlu mengatur supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada kelemahan yang sama juga berlaku di program/aktiviti lain yang tidak diaudit dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan yang sewajarnya.

Kerajaan Negeri juga perlu memantau aktiviti syarikat miliknya untuk memastikan syarikat mewujudkan tadbir urus korporat yang baik, mematuhi undang-undang dan peraturan kerajaan, berdaya saing dan memperoleh keuntungan seterusnya berupaya membayar dividen kepada Kerajaan Negeri.

JABATAN AUDIT NEGARA

Putrajaya

5 Jun 2013



JABATAN AUDIT NEGARA MALAYSIA
NO. 15, ARAS 1-5
PERSIARAN PERDANA, PRESINT 2
62518 WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA

www.audit.gov.my